ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

UN 28 BILANGAN 28 | RABU 13HB JULAI, 1983. | 1403 رابو 2 شوال | PERCUMA

# DAULAT DULI TUAN PATEK

## ALLAH LANJUTKAN USIA KEBAWAH D.Y.M.M.



...M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan ... Negara Brunei Darussalam.

## PERSIAPAN BAGI MENYAMBUT PUJA USIA KEBAWAH D.Y.M.M. TELAH DIATUR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jumaat, 15hb. Julai, 1983 ialah Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-37 tahun.

Segala persiapan bagi merayakan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan itu telah pun di atur di seluruh negara. Sambutan perayaan pada tahun ini akan bermula pada pertengahan bulan Ogos depan.

Perayaan di Daerah Brunei-Muara akan bermula pada hari Isnin 15hb. Ogos, di Daerah Temburong pada hari Selasa 16hb. Ogos, di Daerah Tutong pada hari Kamis 18hb. Ogos dan di Daerah Belait pula akan bermula pada hari Ahad 21hb. Ogos.

Kemuncak perayaan di daerah-daerah itu ialah Upacara Perbarisan Kehormatan di mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat dan seterusnya berkenan menerima tabek kehormatan serta memeriksa perbarisan pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Ini di ikuti dengan Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei.

## D.Y.M.M. Sembahyang Raya bersama rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Umat Islam di seluruh negara mula merayakan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun Hijrah 1403 semalam berikutan nampaknya anak bulan Syawal pada petang hari Isnin, 11hb Julai.

Seperti biasa umat Islam memulakan hari yang mulia itu dengan menunaikan sembahyang sunnat berjemaah di mesjid-mesjid dan surau-surau di seluruh negeri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menyertai beribu-ribu orang rakyat

Lihat muka 16

## ELAKKAN DIRI DARI UNSUR2 MEMBAZIR

...SERI BEGA-... Kebawah Duli ... Mulia Paduka ... Sultan dan ... Sir Muda ... Bolkiah Mu'iz-... bertitah ... Hari Raya ... ini akan ... dengan seder-... untuk menge-... daripada ... yang mem-... sememangnya ... agama Islam.

... Hari Raya ... ini dengan ... kepada Allah ... penuh kesyu-... rahmat-Nya jua ... semua," titah

... Duli Yang ... bertitah ... dalam titah ... Hari Raya Aidilfitri yang telah disiarkan melalui radio dan televisyen malam semalam

Baginda seterusnya bertitah, supaya pengajaran dan penginsafan yang timbul di sanubari kita masing-masing sesudah merasai sebulan berpuasa akan menjelmakan tunjuk-ajar serta landasan bagi kita menghadapi kehidupan sebagai umat Islam pada bulan-bulan berikutnya.

Untuk itu Baginda berharap semoga dengan kesedaran dan keinsafan di kalangan umat Islam di negara ini, kita akan dapat meneruskan usaha untuk menambah kemakmuran, kesejahteraan dan berpanduan yang sememangnya perlu dilaksanakan kerana Allah di negara Brunei Darussalam di tahun-tahun akan datang yang penuh dengan cabaran.

"Marilah kita berdoa kehadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan kita semua di negara ini akan sentiasa mendapat perlindungannya dan akan terus menikmati suasana aman, tenteram dan sejahtera dalam keadaan yang makmur lagi bahagia," titah Baginda.

Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini Baginda Yang Dipertuan berserta keluarga Baginda dengan setulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Baginda dan penduduk negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

Berikut ialah perutusan Hari Raya Kebawah Duli Yang Maha Mulia sepenuhnya:

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillah ilham.

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala dan selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. serta kerabat-kerabat dan sahabat-sahabat Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, setelah sebulan kita melakukan ibadat berpuasa maka tentulah kita semua gembira tibanya Hari Raya Aidilfitri yang melambangkan kejayaan, ketabahan dan kemenangan kita umat Islam sekali lagi dalam melaksanakan ibadat berpuasa yang penuh dengan dugaan dan cubaan itu.

Mudah-mudahan pengajaran dan penginsafan yang telah tim-

Lihat muka 16

### MANISNYA IMAN

"ORANG Islam saudara orang Islam yang lain, tidaklah dia menzaliminya dan memakihamunnya." — HADIS Nabi yang dipersepakati riwayat daripada Ibnu 'Umar.



Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Baginda Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa junjung zirah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pelita Brunei

13HB JULAI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## SELAMAT HARI RAYA:

## SIKAP DAN PENDIRIAN YANG TEGUH

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahilhamd.

Hari Raya tahun ini kita raikan dalam saat-saat menjelang kemerdekaan kita. Kita menyambut Hari Raya sebagai hari perayaan setelah selesai menunaikan ibadat puasa Ramadan. Kegembiraan yang dirasakan berikutan daripadanya tentu akan lebih memuncak lagi apabila kita mengenangkan amal ibadat yang dikerjakan sepanjang bulan Ramadan itu. Jika dalam beramal ibadat itu kita telah membiasakan diri dengan berbagai-bagai kebaikan dan kebajikan, menahan diri dari melakukan perkara-perkara yang mungkar dan seterusnya sentiasa mengambil sikap gemarkan perkara-perkara yang bermanfaat maka kegembiraan di Hari Raya ini setentunya diharap selaras dengan semangat amal ibadat yang telah dikerjakan itu.

Kita sesungguhnya memerlukan keteguhan sikap dan pendirian. Amal ibadat kita adalah berfungsi bagi maksud tersebut. Sikap dan pendirian yang teguh itu ialah dalam ertikata memihak dan mempertahankan nilai-nilai yang hak di sisi Allah s.w.t., menolak dan mencegah nilai-nilai buruk di sisi Allah s.w.t.

Dalam hubungan ini kita sebenarnya sudahpun membuktikan kecenderungan kearah itu. Dalam banyak hal kehidupan harian kita pada keseluruhannya adalah diliputi oleh nilai-nilai yang baik di mana kita pada umumnya tidak bersedia untuk memihak kepada sebarang unsur yang boleh melemahkan kepentingan-kepentingan kita yang sebenar. Suasana yang sentiasa berkebajikan di negara ini adalah bukti betapa semua pihak menerima nilai-nilai yang baik menjadi pegangannya. Kerana itu tidak ada sebab bagi meragukan yang kita akan mudah dipengaruhi untuk menukar nilai yang baik itu selama mana ia jelas dilihat dan dirasakan kemanisannya.

Menjelang kemerdekaan dan selepasnya nanti negara akan terus menuntut haknya yang dipertanggungkan kepada kita sebagai rakyat dan penduduk. Hak negara dalam pengertian yang umum ialah keteguhan dan keutuhannya. Kita menanggung hak ini dengan kewajipan yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. bagi melakukan khidmat bakti kepada negara dan dalam masa yang sama adalah juga untuk keselamatan, kesejahteraan, kebahagiaan dan kemakmuran kita serta keturunan kita. Tanggungan kewajipan yang sedemikian tentu akan lebih sempurna dilaksanakan dengan sikap dan pendirian yang teguh sebagaimana yang diharapkan itu. Maka tuntutan supaya negara tetap teguh dan utuh itu sebenarnya adalah sedia menjadi hasrat kita yang ... orang mempunyai kepentingan ... tuk mencapainya.

Maka kearah pencapaian itu ... meragukan keupayaan kita ... ta menyedari kepentingan bersama ... sahaja untuk semata-mata ... bahkan juga ialah menjunjung ... mengutamakan kepentingan-... annya yang sesuai dengan ... s.w.t.

Inilah azam dan tekad kita dalam ... Hari Raya tahun ini. Insya-Allah ... dapan kita akan berhari raya ... kedudukan negara kita sudah ... tengahkan dirinya di peringkat ... sebagai sebuah negara yang ... merdeka. Dan pada masa itu ... kitalah yang akan memberi ... kepadanya. Setentunya dalam ... sedemikian itu kita perlu terus ... berpendirian yang teguh dalam ... kepentingan kita yang sebenar ... kita yang bertuhan iaitu Allah s.w.t. ... dan beradab sopan.

SELAMAT HARI RAYA maaf zahir ...

# FILIPINA TUBUH KONSUL AGUNG DI BRUNEI

BERAKAS. — Yang Berhormat Tuan Tristan Enverga telah dilantik oleh Kerajaan Filipina menjadi Konsul Agung di negeri ini. Beliau telah tiba di sini pada hari Isnin lepas.

Ketibaannya di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas telah dialu-alukan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Abbas Al-Sufri, Pemangku Ketua Protokol Jabatan Perkhidmatan Diplomatik dan Pg. Mustapha bin Pg. Metassan, Pegawai Pentadbir jabatan tersebut.

Filipina adalah merupakan negara ASEAN yang keempat menubuhkan wakil pejabatnya di Brunei. Lain-lain negara yang telah pun menubuhkan wakilnya ialah Malaysia, Singapura dan Thailand.

Sementara itu Awang Lyall Breckon Konsul Agung Amerika Syarikat yang beribu pejabat di Kuala Lumpur yang berada di sini selama tiga hari telah berlepas pulang pada 9hb. Julai lepas.

Sebelum meninggalkan negeri ini beliau telah mengunjungi Penasihat Umum Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pegawai Pemerintah dan Timbalan Pasukan AMDB, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Diplomatik, Pengarah Pelajaran dan Pengarah Muzium Muzium Brunei.



Pemangku Ketua Protokol Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Y.B. Pehin Orang Kaya Pengawa Laila Bentara Diraja Dato Laila Utama Awang ... Al-Sufri ketika mengalu-alukan ketibaan Konsul Agung Filipina ke Brunei, Awang Tristan Enverga (kiri) dan Konsul Agung Amerika Syarikat Lyall Breckon.

# Peperiksaan musik RSM dalam bulan Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Peperiksaan Brunei kini membuat persiapan-persiapan untuk mengadakan peperiksaan Royal School of Music (peperiksaan teori) di Brunei dalam bulan Nobember tahun ini.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat Lembaga Peperiksaan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas semasa waktu pejabat dari 8hb Ogos hingga 31hb Ogos, 1983.

Bayaran peperiksaan hendaklah dibuat dengan cek atau Bank Drafts (matawang British) yang dibayar kepada Royal School of Music, London dan bukannya kepada pejabat Lembaga Peperiksaan Brunei.

Sebarang borang permohonan yang lewat dari 31hb Ogos, 1983 tidak akan dilayan.

# Angka tunjuk bulan Mei turun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga barang-barang Pengguna untuk bulan Mei ialah 137.0 dan ini adalah 0.1% lebih rendah daripada Angka Tunjuk bulan yang terdahulu iaitu April, 1983. Jika dibandingkan dengan angka Tunjuk bulan Mei, 1982, Angka Tunjuk bulan ini hanyalah lebih tinggi sedikit sebanyak 0.8%.

Ini adalah bulan yang kedua berturut-turut Angka Tunjuk bulanan telah dicatatkan turun. Kejatuhan Angka Tunjuk bulan ini adalah terutamanya disebabkan oleh kejatuhan harga ikan basah pada keseluruhan dan turunnya harga sayur-sayuran dan buah-buahan. Angka Tunjuk bagi Kumpulan 'Makanan' telah turun sebanyak 10.3%, sementara Angka Tunjuk kumpulan 'Alat Perabot, perhiasan dan Alat kelengkapan Rumahtangga serta Pemasangannya' pula telah naik sebanyak 0.2%. Angka Tunjuk lain-lain kumpulan adalah masih tetap tidak berubah.

Harga-harga ikan basah dan sayur-sayur tidaklah sama kedudukannya ada yang turun dan ada yang naik tetapi pada keseluruhan harga-harganya adalah lebih murah dari bulan yang terdahulu. Barang-barang atau perkara-perkara yang menyebabkan kejatuhan Angka Tunjuk ... ialah: teng... barahan, ... bakulan, ... timun, kacang ... dan pisang. ... telah diimbangi oleh kenaikan beberapa jenis ... dan sayur-... lain, telur ... cuci kering ...

# Temasya lumba perahu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Temasya Lumba Perahu akan diadakan sebagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-37 tahun di Daerah Brunei-Muara.

Temasya yang diadakan di Sungai Brunei itu akan diadakan pada hari Ahad 28hb Ogos, 1983 dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang.

Sebanyak 13 acara termasuk dua lumba outboard akan dipertandingkan.

Borang ... menyertai ... sekarang boleh ... dari Setia U... baan, Awang ... Salleh bin ... Jabatan Laut, ... Begawan dan ... dikembalikan ... dari 30hb ...

# ...RTUNJUKAN PERTANIAN DI DAERAH BRUNEI-MUARA

...BEGA- ... Perta- ... akan ...tunjukan ...ringkat ... Perta- ... hari ... 1983. ... di- ...rasmikan ...hormat ...usaha ... Orang ... Dato ... Abd. ... Setia

... di- ...berbunyi ...TKAN ... BELIA ...TANIAN ... PENGE- ... YANG ... Tema ini ... untuk ... belia ... yang ...mampuan

untuk membawa dan menderaskan perkembangan dan kemajuan pertanian di negeri ini ke arah taraf yang dihasratkan dan dicita-citakan oleh negara, berasaskan kepada kenyataan bahawa belia itu merupakan angkatan yang sedar, sihat, bertenaga, tahan lasak, berpelajaran dan pengetahuan berfikiran luas dan terbuka dan sedia untuk menerima dan mencuba buah-fikiran dan cara-cara baru yang terbukti.

Pertunjukan akan mengadungi lima bahagian utama iaitu (a) pertandingan hasil-hasil ladang, masak-masakan dan anyam-anyaman yang dihantar oleh peladang-peladang dan orang ramai (b) pameran bahagian-bahagian pengembangan, penyelidekan, latihan dan seumpamanya di Jabatan Pertanian (c) pameran Jabatan-Jabatan Kerajaan (d) pameran firma-firma yang memberi perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan oleh peladang-peladang dan (e) pertandingan sayur-sayuran yang dihasilkan oleh penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah. Orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan sukarela juga dipelawa untuk berjual makanan, minuman dan hasil-hasil ladang di sekitar kawasan pertunjukan.

Dalam bahagian pertandingan hasil-hasil ladang, masak-masakan dan anyam-anyaman, peladang-peladang dan orang ramai ada-lah dipelawa untuk menghantar hasil-hasil ladang dan barang-barang berikut ke tempat pertunjukan :

(a). Padi jenis-jenis tahun, pertengahan asas dan tugal.

(b) Jagung jenis-jenis tempatan, manis dan Suwan dan kachang tanah

(c) Sayur-sayuran jenis daun

(d) Sayur-sayuran jenis buah

(e) Sayur-sayuran jenis ubi

(f) Buah-buahan

(g) Getah keping dan jenis-jenis hasil tanaman rampaian

(h) Benih buah-buahan yang dibiak secara kawin, lakom dan sanding

(i) Telur-telur ayam, itek, patu dan angsa

(j) Anyam-anyaman biasa dan anyam-anyaman perhiasan

(k) Ternakan-ternakan lembu, kerbau, kambing, ayam, itek dan angsa

(l) Masak-masakan, kuih dan buah-buahan yang diperoses

Dalam bahagian pertandingan sayur-sayuran yang diusahakan oleh penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah, penuntut-penuntut dan murid-murid adalah dipelawa untuk menghantar jagung manis, jenis-jenis kacang panjang, jenis-jenis sawi, bayam, kangkong dan timun.

Peladang-peladang, penuntut-penuntut, murid-murid dan orang ramai adalah dikehendaki menghantar barang-barang mereka ke tempat pertunjukan seperti berikut :

(i) Sayur-sayuran, masak-masakan dan seumpamanya, pada hari Ahad, 28hb. Ogos,1983 sebelum pukul 6.30 pagi dan,

(ii) Jagung, getah, benih buah-buahan, ternakan, anyam-anyaman dan seumpama, pada hari Sabtu, 27hb. Ogos, 1983 di antara pukul 7.30 pagi dan 8.00 malam.

Padi, hendak-lah dihantar melalui pegawai-pegawai pertanian yang bertugas di kampung-kampung di antara 16 dan 31hb. Julai, 1983.

Peladang-peladang, penuntut-penuntut, murid-murid dan orang ramai yang memerlukan maklumat-maklumat dan penerangan lanjut mengenai pertunjukan adalah dipersilakan berhubung dengan pegawai-pegawai pertanian yang bertugas di kampung-kampung atau pegawai-pegawai pertanian yang bertugas di pejabat-pejabat pertanian yang terdekat.

# ...nduan sistem ejaan rumi baru Bahasa Melayu

**...STEM EJAAN RUMI BARU BAHASA MELAYU**

**...lajaran 3 : Sistem Keselarasan Huruf Vokal**

**...kal Tidak Berubah**

... huruf vokal yang tidak berubah dalam sistem ejaan baru.

| ... | | Suku Kata Akhir Tertutup | Contoh |
|---|---|---|---|
| | — | a | *alat, balak, jalan, pejabat* |
| | — | a | *emak, kemas, penat, semenjak* |
| | — | a | *enak, tembak, temberang, selerak* |
| | — | e taling | *belek, leceh, keledek, selekeh* |
| | — | o | *esok, tengok, selekoh, pelecok* |
| | — | a | *hitam, bintang, keringat, sembilan* |
| | — | a | *kotak, lobak, tengkorak, tempoyak* |
| 8 o | — | e taling | *oleh, boleh, gores, celoteh* |
| 9 o | — | o | *tolong, golong, tengkolok, kelompok* |
| 10 u | — | a | *ubat, hutan, sukan, rambutan* |

**...Keselarasan Huruf Vokal Tidak Berubah**

... keselarasan huruf vokal yang tidak ...

**... a tetap menjadi a — a**

| ...Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| | abad |
| | abah |
| | dadap |
| | gagah |
| | pajak dsb. |

**...bertemu a tetap menjadi e pepet — a**

| ...Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| | bebal |
| | beban |
| | helang |
| | jebat |
| | penak |
| | senyap dsb. |

**...bertemu a tetap menjadi e**

| ...Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| | bebas |
| | dekan |
| | edah |
| | geledah |
| | mewah |
| | semak dsb. |

**4) Vokal e taling bertemu e taling tetap menjadi e taling — e taling**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| beber | beber |
| bebeh | bebeh |
| gelek | gelek |
| keledek | keledek |
| pensel | pensel |
| tembereng | tembereng dsb. |

**5) Vokal e taling bertemu o tetap menjadi e taling — o**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| besok | besok |
| kechoh | kecoh |
| lengkok | lengkok |
| terok | terok |
| belot | belot |
| ketot | ketot dsb. |

**6) Vokal i bertemu a tetap menjadi i — a**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| bijak | bijak |
| chichak | cicak |
| hisab | hisab |
| intan | intan |
| jinak | jinak dsb. |

**7) Vokal o bertemu a tetap menjadi o — a**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| borang | borang |
| bochah | bocah |
| dongak | dongak |
| gelombang | gelombang |
| koyak | koyak |
| tobat | tobat dsb. |

**Pola Huruf Vokal Berubah**

Ada lapan pola huruf vokal yang berubah dalam sistem ejaan baru.

| Ejaan Lama | | | Ejaan Baru | | | Contoh | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Suku Kata Praakhir | | Suku Kata Akhir Tertutup | Suku Kata Praakhir | | Suku Kata Akhir Tertutup | Ejaan Lama | Ejaan Baru |
| 1 a | — | e taling | a | — | i | *aleh, tarek* | *alih, tarik* |
| 2 a | — | o | a | — | u | *batok, payong* | *batuk, payung* |
| 3 e pepet | — | e taling | e pepet | — | i | *lebeh, petek* | *lebih, petik* |
| 4 e pepet | — | o | e pepet | — | u | *tempoh, telor* | *tempuh, telur* |
| 5 i | — | e taling | i | — | i | *pileh, tindeh* | *pilih, tindih* |
| 6 i | — | o | i | — | u | *bingong, rioh* | *bingung, riuh* |
| 7 u | — | e taling | u | — | i | *usek, kueh* | *usik, kuih* |
| 8 u | — | o | u | — | u | *pulok, kukoh* | *puluk, kukuh* |

**8) Vokal o bertemu e taling tetap menjadi o — e taling**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| chomel | comel |
| boleh | boleh |
| oleh | oleh |
| molek | molek |
| ronggeng | ronggeng |
| solek | solek dsb. |

**9) Vokal o bertemu o tetap menjadi o — o**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| bogot | bogot |
| chogok | cogok |
| dodol | dodol |
| kotor | kotor |
| tolong | tolong |
| roboh | roboh dsb. |

**10) Vokal u bertemu a tetap menjadi u — a**

**Contoh :**

| Ejaan Lama | Ejaan Baru |
|---|---|
| bulat | bulat |
| budak | budak |
| hutan | hutan |
| kulat | kulat |
| muntah | muntah |
| pudar | pudar dsb. |



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# HUKUM MENINGGALKAN SEMBAHYANG FARDU YANG LIMA

Siri ke-191 (Bahagian 2)

AL-ARIF BILLAHI TAALA AL-'ALLAMAH ASH-Sheikh Ahmad Al-Hulwani dalam kitabnya Wasa'ilur Rahmaat Fima Yutlabu Liman Maat seorang alim Ulama Al-Azhar, Mesir.

Hendaklah orang-orang Islam itu memelihara diri dari perkara yang membawa mati dalam Su'ul Khatimah (mati dalam kesudahan yang tiada baik sama ada mati dosa besar atau kafir).

Katanya: Dari perkara yang membawa mati dalam Su'ul Khatimah:

1) Bercakap-cakap ketika Bilal atau orang melaung suara kerana Azan atau yang sembahyang (tiada pedulikan Azan dan tiada menjawab orang Azan). Ini banyak berlaku sekarang.

2) Mencuaikan sembahyang lima waktu.

3) Enggan dan tiada mengeluarkan zakat harta kepada orang yang berhak menerima apabila sampai nisab atau haul.

4) Melambat-lambatkan Haji dengan tiada uzur sehingga luput Haji itu.

5) Melaknat dan mengutuk orang Islam. Ini banyak berlaku di antara puak Islam.

6) Derhaka kepada ibu bapa, ini juga banyak.

7) Menyakiti orang Islam.

8) Menyakiti jiran-jiran.

9) Curang dan menipu orang Islam.

10) Makan Rasuah.

11) Makan Riba dan Bunga.

12) Ria dan bermuka-muka.

13) Tak'bur dan Sombong.

14) Meninggalkan dari menyuruh orang berbuat baik, dan meninggalkan dari menegah orang berbuat jahat.

15) Bencikan keluarga Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat Rasulullah.

16) Membuat keputusan dalam hukum-hukum Ugama Islam dengan Jahil dan ikut sedap akal atau dengan cara zalim dan inyaya dan tiada mengikut Syarak'.

17) Ingkarkan Wali-Wali Allah yang bersifat Takwa.

18) Berseluruh (bergurau) berbuat dosa sehingga ia mati.

Inilah setengah-setengah sebab bagi mati dalam Su'ul Khatimah dari 70 perkara.

Orang Akil Baligh suci dari haid dan nifas yang meninggalkan sembahyang Fardu yang lima dengan senghaja atau mencuai-cuaikan setengah-setengah sembahyang Fardu itu, seperti dalam pelayaran, dalam perayaan dan dalam Jamuan dan dalam Majlis, maka orang yang mencuaikan sembahyang Fardu itu ia adalah orang Fasik dan membuat dosa besar dan ditakuti ia mati dalam Su'ul Hatimah, maka wajib di atasnya mengkada sembahyang Fardu yang ditinggalkan dengan senghaja atau dicuaikan itu dengan membuat dan mengerjakan sembahyang yang ditinggalkan itu dengan segera (mengikut mazhab Ahli Sunnah Wal-jemaah dari Mazhab Hanafie', Malike', Shafie' dan Hambali) kerana tiap-tiap hutang itu wajib dibayar, sama ada hutang itu kepada Allah s.w.t., atau kepada menusia, bagaimana disebutkan dalam Hadis-Hadis bahawa hutang-hutang kepada Allah s.w.t. lebih Auly dan lebih utama dibayar.

Meninggalkan sembahyang itu suatu hutang kepada Allah s.w.t., sebagaimana meninggalkan Haji Islam itu juga suatu hutang kepada Allah s.w.t., seperti halnya yang disebutkan dalam Hadis-Hadis dan kerana ada Hadis-Hadis menyuruh orang yang tertidur dari sembahyang dan yang lupakan yakni terlupa dari sembahyang, itu disuruh mengkada sembahyang itu setelah ia jaga (sedar) dan ingat dari lupa sembahyang itu, maka Ulama telah mengkiamkan orang yang senghaja meninggalkan sembahyang Fardu itu adalah lebih-lebih lagi wajib kada dan bayar dan wajib mendatangkan sembahyang yang ditinggalkan dan dibuatnya di luar waktu. Ini dia Istihad dan Istinbat Ulama Ahli Sunnah Wal-Jemaah r.a.

Kita telah nukilkan di atas ini bahawa Alamat Ibnu Hazam telah menyatakan bahawa Ijma dan sekata umat Islam bahawa orang yang minum arak itu wajib dan mesti ia mengkadakan sembahyang fardu yang ia tinggalkan waktu ia mabuk itu dengan tiada boleh tidak. Biasa orang minum arak dengan suka hati dan senghaja, bukan dengan terpaksa atau tersalah minum arak.

Kita mestilah mengikut jejak langkah Ahli Sunnah Wal-Jemaah dan langkah-langkah umat Islam iaitu puak yang terbesar dan terbanyak daripada umat Islam nescaya kita terselamat dari api neraka dan jangan kita ikut mereka yang sesat dan melampaui dari Ahli Bidaah dan Ahlu-Zalali nanti kecewa dan masuk neraka.

Jangan kita ikut kaul-kaul yang ganjil daripada

Al-Alama
miah, ibnu
ukni dan
daah yang
tanah Arab
yang meng
(Mu'taja
orang-orang
Mesir dan

Sebuah
Al-Barahi
Rad'dibak
ati dikara
Alamatu
haddisu Fa
shyhu Sala
yuazamis
Ulama' Al
hab Al-Sha
didapati
Quran. Ha
kata Ulama
hab kita
boleh meno
ahli kufur
masuk Islam
diani atau
diah Musi
atau Asma
Batiniah da
yang semua
tahuan Isla
menolak
bidaah itu
sesat itu
kufur da
Ugama Isla



Majlis Khatamal Quran telah diadakan di beberapa tempat pada minggu lalu sebagai menandakan tamatnya majlis bertadarus di sepanjang bulan Ramadan. Majlis tersebut diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan di rumah-rumah.

Majlis yang sama juga telah diadakan di Istana Darul Hana dan di Istana Darul Aman seperti kelihatan dalam gambar sebelah kanan dan kanan bawah.

Gambar atas pula kelihatan Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin ketika berucap di majlis Khatamal Quran yang dianjurkan oleh penduduk-penduduk Kampung Lambak.





WAKTU berbuka puasa adalah saat yang menggembirakan bagi umat Islam lebih-lebih lagi jika dilakukan secara beramai-ramai dengan kaum keluarga. Berbuka puasa secara beramai-ramai ini juga disebut sebagai "berhimpun sungkai" bagi setengah kalangan masyarakat kita. Gambar atas kelihatan satu keluarga sedang menikmati hidangan berbuka puasa di salah sebuah rumah di Kampung Lumut, Seria.



## ...penting bukanlah kehebatan rupa ...uk sambutan Hari Raya.

# ...EJARAH MAKNA ...UASA MENGUBAH SIKAP KITA

## KHUTBAH JUMAAT

...isan ...nggu ...ini

...bar Allahu ...bar Allahu ...lillahilham. ... bersyukur ... Allat s.w.t. ...ng Maha ... penyayang; ... kornia- ... lagi dapat ...llah masih ... meminjami ... kita dalam ... yang ber- ...ari Raya ... mulia yang ... bersama- ... umat Islam ...

...bahagianya di ... berkat ...orang yang ... menunaikan ... selama ... bulan ... memang ... mereka untuk ... pada hari ini, ... telah lulus ... ujian ... oleh Allah ... sebulan ... Ramadan ... perseorangan ... Muslimat ... Pada ... dikehendakki ... dari lapar ... melawan run- ... nafsu dan ... yang kepada ... kerosakan ...n. Dan ... hari pula ... mendirikan ... tarawikh, ...Quran, ber- ... dan ... yang ... adalah ... utamanya ... iman ... Allah ... itu bagi ... yang gagal

# HARI RAYA UNTUK ORANG BERPUASA

Oleh: A. Mohamad PJL Hj. Abdullah

tidak dapat menjalankan suruhan-suruhan wajib dan sunat sepanjang bulan Ramadan dengan sempurnanya, apatah lagi jika gagal keseluruhannya, maka bagi mereka tidak ada makna untuk bergembira pada hari yang mulia dan penuh berkat ini.

Pada hari ini seharusnya mereka menitiskan air mata kesedihan sebagai pernyataan di atas kesedaran dan keinsafan diri mengenangkan betapa lemahnya iman, betapa lemahnya hati dan semangat perjuangan, sehingga dapat ditewaskan oleh runtunan hawa nafsu dan godaan syaitan, yang mengakibatkan gagalnya dari menyempurnakan serta menjunjung titah perintah Allah s.w.t. untuk kesempurnaan dan kebaikan diri mereka sendiri. Di samping itu mereka hendaklah berazam dan bercita-cita dengan tekad yang kuat untuk menebus kegagalan yang telah dialami, dengan sebeberapa segera yang boleh sebelum ajal maut datang meragut nyawa dari jasad.

Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri ini, beberapa kemuliaan telah dikhaskan kepada mereka yang telah menyempurnakan ibadat puasa dengan tidak ada cacat celanya dan seterusnya menghadirkan diri menyembah Allah di hari yang mulia iaitu menunaikan sembahyang Aidilfitri, sebagaimana yang tersebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'ad bin Aus Al-Ansari yang diterimanya dari ayahnya bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud kira-kira: "Apabila datang Hari Raya Aidilfitri berdirilah Malaikat di pintu-pintu jalan, maka berserulah mereka, wahai manusia datang dan berduyun-duyunlah kamu kaum muslimin sekalian menuju Allah yang Maha Agung lagi pemurah, Tuhan yang menjanjikan kebaikan bagi mu semua, kemudian memberikan pahala melimpah-melimpah, Tuhan telah memerintahkan kamu supaya bersembahyang pada waktu malam, kamu pun telah kerjakan, Tuhan telah memerintahkan kamu supaya berpuasa, pun telah kamu sempurnakan dan taati, maka hari ini terimalah satu hadiah dan pemberian dari Allah Tuhan mu jua". Selepas kita menyempurnakan sembahyang hari raya, maka berkatalah pula para Malaikat: "Ketahuilah oleh kamu wahai kaum Muslimin sekalian bahawa Tuhan telah mengampuni dosa-dosa kamu, maka pulanglah kamu dengan penuh kegembiraan dan dengan perasaan segar". Itulah di antara balasan-balasan bagi mereka yang menunaikan sembahyang Aidilfitri iaitu satu keampunan dari Allat s.w.t. keredaan dengan perasaan gembira yang tidak ada tolok bandingnya di pagi raya yang mulia dengan takbir dan tahmid yang memecah kesunyian pagi menjadikan suasana Aidilfitri dirasakan begitu penuh bererti.

Begitulah betapa mulianya seseorang hamba Allah itu jika ianya benar-benar dengan penuh khusyuk dan tawaduk mengabdikan diri semata-mata untuk mencari keredaan Allah s.w.t. dalam menyempurnakan ibadat puasa dan menyambut hari kemenangannya (Aidilfitri) dengan tidak dicampur-adukkan kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat Allah dan Rasul-Nya. Kerana itu marilah kita kaum Muslimin menghayati perayaan hari kemuliaan kita di hari raya Aidilfitri ini dengan penuh kesabaran dan kesyukuran tanpa dicacat-celakan dengan perkara-perkara ditegah oleh Allah. Semoga kita akan digolongkan ke dalam orang-orang yang bertakwa di samping membetulkan iktikad suci dari kesesatan yang dimurkai oleh Allah, berani mempertahankan tata-susila dan keperibadian Islam yang tulin.

**Marilah kita sama-sama teguhkan rasa takwa kita kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan taat, rela dan ikhlas pada mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi apa jua yang dilarang-Nya.**

Alangkah cepatnya masa berlalu hingga ibadat puasa yang telah dan sedang kita kerjakan tau-tau sudah masuk ke minggu yang terakhir, dan cuma beberapa hari saja lagi akan tiba pula Hari Raya. Moga-moga dalam mengerjakan puasa dan menghidupkan bulan Ramadan yang mulia ini kita akan termasuk orang yang disifatkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai berpuasa tetapi hasilnya hanya lapar dan dahaga. Biarlah kita termasuk orang yang diampunkan segala dosa-dosa yang telah lalu dan dikurniakan ganjaran yang hanya Tuhan yang mengetahui besarnya serta dapat pula bertemu dengan 'Lailatul-qadar'.

### WANG MENGALIR

Semakin dekat Hari Raya semakin rancak umat Islam membeli-belah persediaan Raya. Berikutnya banyak wang mengalir ke tangan para peniaga yang sedihnya para peniaga di negara kita ini yang ramai bukannya orang Islam tetapi orang-orang bukan Islam dan mereka itu terdiri dari orang-orang asing.

Dalam Islam, wang itu memanglah disuruh cari dan disuruh belanjakan tetapi dalam berbelanja pakaian ukuran sederhana kerana kata Nabi kita Muhammad s.a.w. sebaik-baik perkara itu adalah yang sederhana. Dalam soal berbelanja janganlah terlampau bakhil dan jangan pula terlampau boros. Berhati-hati, berjimat cermat dan bersederhana adalah punca utama untuk beroleh kehidupan yang baik. Sebaliknya boros dalam berbelanja adalah alamat menunjukkan keburukan dan bencana.

Sifat melampau-lampau dalam sesuatu misalnya membuat persediaan untuk menyambut Hari Raya di luar kemampuan masing-masing adalah tidak digalakkan oleh agama kerana sedemikian adalah menyusahkan diri dan keluarga.

### SIKAP DAN TINDAKAN

Yang penting bukanlah kehebatan rupa bentuk sambutan Hari Raya tetapi ialah sejauh mana kesan puasa dan amal ibadat yang kita kerjakan sepanjang Ramadan ini mengubah sikap dan tindakan kita. Berjayakah kita mencapai tujuan puasa yang sebenarnya iaitu menjadikan kita sebagai orang yang bertakwa, orang yang takut dan galat kepada Allah Taala? Kerana takut dan galat kepada Allah itu lalu kita tidak lagi berani meninggalkan suruhan-suruhan-Nya dan melanggar larangan-larangan-Nya. Atau sesudah Hari Raya tiba mulalah kita kepada perangai-perangai lama yang dimurkai oleh Allah Taala. Kalau kita kembali membuat kejahatan sama seperti masa-masa yang lain di luar bulan Ramadan, ini menunjukkan puasa kita hanya berlapar dan dahaga, tidak lebih dari itu.

Satu lagi kewajipan kita sebelum tiba Hari Raya itu ialah mengeluarkan zakat fitrah bagi diri dan orang-orang yang di bawah tanggungan kita yang wajib kita belanjai. Tujuan zakat fitrah itu ialah untuk membersihkan diri orang yang berpuasa dan dari perbuatan yang sia-sia dan perkataan yang buruk yang menjejaskan ibadat puasanya.

Menurut sebuah hadis bahawa puasa seseorang itu akan tergantung antara langit dan bumi kecuali dibayar zakat fitrah Sabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya:

*"Puasa bulan Ramadan itu tergantung pahalanya antara langit dan bumi dan tidak dapat diangkat melainkan setelah dikeluarkan zakat fitrahnya."*

Mudah-mudahan kita sekalian tidak sampai terlalai menunaikan kewajipan itu dan moga-moga segala puasa dan amal ibadat kita diterima oleh Allah Taala.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb Julai, 1983 hingga ke hari Selasa 19hb Julai, 1983 adalah seperti di bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 14hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 15hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.40 | 4.55 | 6.13 |
| 16hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 17hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 18hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |
| 19hb Julai | 12.31 | 3.51 | 6.42 | 7.53 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# CERAMAH RAMADAN

**Pada siri yang lalu saya telah menerangkan tentang perkara yang wajib disempurnakan dalam masa menyambut Hari Raya maka pada siri ini saya akan menyentuh perkara yang sunat dikerjakan dalam masa menyambut Hari Raya iaitu "Ziarah Kubur".**

Telah menjadi suatu kelaziman kepada masyarakat Islam, apabila hampir menjelang Hari Raya, mereka sibuk menziarahi kubur saudara mara mereka yang telah meninggal dunia. Kelaziman ini adalah merupakan suatu amalan yang diwarisi sejak dari zaman berzaman lagi yang ada hubungannya dengan ugama Islam.

Menurut sejarah bahawa orang-orang Islam pada dahulunya dilarang ziarah kubur, larangan ini dibuat kerana pada masa itu Islam baru saja bertapak dan syariahnya pula belum lagi berkembang secara meluas, lagi pun pada masa itu peringkat masa Islam bertapak adalah berhampiran dengan masa zaman jahiliah maka dengan sebab hampir itu mereka membuat kerja-kerja yang tidak secucuk dengan kehendak Islam, kemudian apabila saja Islam bertapak dengan kuatnya, dan syariatnya sudah tersebar dengan kuatnya, maka Islam telah membatalkan larangan itu dengan mengharuskan bagi orang-orang Islam melakukan ziarah kubur sebagaimana yang dinyatakan oleh sebuah Hadis Nabi yang kira-kira bermaksud: Daripada Buraidah telah berkata, telah berkata Rasulullah s.a.w. *"Sesungguhnya adalah aku telah menegah akan sekalian kamu ziarah kubur, maka sekarang telah dibenarkan Allah Taala bagi Nabi Muhammad s.a.w. ziarah kubur ibunya maka mereka pun menziarahinya."*

Dalam ugama Islam ziarah kubur saudara mara yang telah meninggal dunia itu adalah dihukumkan sebagai suatu perbuatan sunat bagi orang lelaki dengan maksud untuk mendoakan dan memohon rahmat Tuhan bagi orang-orang yang telah meninggal dunia untuk mengambil ibarat dan ingatan supaya orang yang hidup ingat akan mati dan hari akhirat.

Kalau kita amat-amati bahawa ziarah kubur orang yang telah mati itu ada mempunyai hikmat dan kelebihan yang besar ertinya, baik kelebihan pahala bagi orang yang menziarahi kubur itu, ataupun kelebihan pahala terhadap orang-orang yang telah meninggal dunia yang sentiasa mengharapkan doa restu dari orang-orang yang hidup yang datang menziarahi kubur mereka. Maka dengan itulah orang-orang yang datang berziarah ke kubur itu tidak seharusnya lalai dengan doa untuk dirinya sendiri dan bagi orang yang telah mati yang diziarahi kuburnya, dan tidak lalai dari menghadiahkan ayat-ayat Al-Quran untuk orang-orang yang telah mati, serta mengambil pengajaran daripadanya.

### WAKTU YANG BAIK

Orang selalu bertanya bilakah masanya yang baik untuk ziarah kubur itu.

Ziarah kubur itu sebenarnya tidak mempunyai waktu yang tertentu atau masa tertentu malahan ia boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja yang kita ada kelapangan. Perkara ini berdasarkan sebuah Hadis Nabi Muhammad s.a.w. yang Baginda pernah menziarahi kubur Al-Biqe' di waktu dinihari.

Dalam pada itu ada juga ulama berpendapat bahawa hari yang baik untuk ziarah kubur itu ialah pada hari Jumaat, dan ada pula yang mengatakan sehari sebelum hari Jumaat, atau sehari sesudahnya. Mengikut pendapat tersebut bahawa pada hari Jumaat itu pada masa itu roh orang-orang yang telah meninggal dunia adalah hampir di tempat kubur mereka, dan mereka tahu pelawat-pelawat yang datang berziarah ke kubur mereka dan siapa yang memberi salam ke atas mereka itu.

Orang-orang islam yang datang berziarah kubur, mereka apabila masuk ke tempat perkuburan, mereka janganlah hendaknya masuk dengan begitu saja tanpa menegur dan mengucap apa-apa kepada ahli kubur, bahkan kita mestilah memberi salam kepada ahli kubur sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah kepada ketani orang-orang Islam sabda Baginda yang bermaksud: *"Bahawa Nabi pernah lalu di perkuburan Medinah, lalu Nabi menghadapkan mukanya kepada mereka sambil berkata: Semoga selamat sejahtera tetap bagi kamu sekalian wahai ahli kubur, semoga Allah mengampuni kamu dan kami, kamu yang dahulu, kami kemudian."*

Inilah di antara ajaran-ajaran Rasulullah s.a.w. yang ditunjukkan oleh Baginda kepada orang-orang Islam dan diikuti oleh sahabat-sahabat Baginda yang datang melawat kubur Baginda sendiri. Perlu juga diingatkan bahawa dalam masa ziarah kubur, orang-orang Islam dilarang supaya jangan mengucup batu-batu kubur, atau mengosok batu-batu nisan yang terdapat di atas kubur itu, kerana perbuatan sedemikian itu adalah dilarang oleh ugama Islam dan dia adalah termasuk setengah dari perbuatan bid'ah yang bertentangan dengan lunas-lunas ke Islaman.

Jadinya adalah lebih baik, jikalau sekiranya orang-orang yang berziarah itu menghadiahkan pahalanya kepada si mati dengan membaca ayat-ayat Al-Quran seperti yang selalu kita amalkan.

### ZIARAH

Di antara beberapa ciri yang patut diambil perhatian oleh masyarakat Islam dalam masa menyambut Hari Raya yang mulia ini ialah menghidupkan amalan ziarah menziarahi kunjung mengunjungi antara satu sama lain. Amalan ini adalah merupakan salah satu adat orang-orang Melayu Islam yang telah berjalan sejak dahulu lagi hinggalah sekarang ini yang disesuaikan dengan kehendak ugama Islam.

Pada kebiasaannya sebaik saja selesai sembahyang Hari Raya terdapat dikalangan orang-orang Islam ulur-menghulur tangan masing-masing untuk bersalam-salam dan bermaaf-maafan di antara satu sama lain sambil mengucapkan tahniah Hari Raya dengan berbagai-bagai ucapan yang melambangkan ketakwaan kepada Allah atas nikmat hari raya dapat disambut dengan penuh riang gembira semata-mata kerana Allah jua. Kemudian disusuli pula dengan datang berziarah ke rumah-rumah saudara-mara, kawan-kawan dan jiran tetangga bagi maksud tujuan yang sama, dengan muka yang berseri-seri sebagai menandakan yang perintah-perintah Allah dapat disempurnakan dengan baiknya sebagaimana yang diperintahkan. Di dalam masa berkunjung ke rumah-rumah tadi, akan terdapat suasana kemesraan dan kekeluargaan yang begitu erat yang jarang-jarang didapati di waktu-waktu yang lainnya.

Bagi saudara mara dan sahabat handai yang jauh pula yang tidak dapat dikunjungi untuk berziarah, maka kad-kad Hari Raya pun dikirim sebagai ganti diri bagi mengucapkan tahniah Hari Raya, dan sebagai tanda memuliakan Hari yang Mulia itu disambut dengan penuh kegembiraan dan kesedaran yang mendalam.

### KUNJUNG-MENGUNJUNGI

Inilah di antara amalan dalam menyambut Hari Raya yang diamalkan oleh sebahagian besar orang-orang Islam yang besar ertinya kepada setiap masyarakat Islam. Amalan seperti ini adalah merupakan satu amalan yang baik yang sangat disanjung tinggi oleh ugama Islam.

Perbuatan kunjung-mengunjungi, maaf bermaafan antara satu sama lain adalah amalan yang digalakkan oleh ugama Islam kerana perbuatan seperti itu akan lebih menghidupkan semangat hubungan silaturahim dan akan lebih membawa ke arah kemesraan kepada kita, kerana persaudaraan itu kalau tidak dijalin dengan kemesraan tidak ada erti. Untuk tujuan ke arah persaudaraan itu, maka perasaan kasih sayang patutlah disemai di dalam dada setiap orang Islam supaya kemesraan itu akan sentiasa berkekalan sebagaimana yang terdapat di dalam sebuah Hadis Nabi yang maksudnya: *"Tidak beriman di antara kamu sehinggalah ia mencintai saudaranya sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri."* Iman tidak akan sempurna jika hati seseorang itu tidak mempunyai perasaan cinta mencintai dan kasih mengasihi terhadap saudara dan keluarga.

Ugama Islam menegaskan bahawa amatlah penting diwujudkan pada diri seseorang Islam itu semangat tolong menolong antara satu sama lain. Maka untuk tujuan ke arah itu, Islam telah mewajibkan sistem zakat, supaya setiap orang Islam wajib mengeluarkan zakat dengan maksud untuk mengeratkan tali persaudaraan dan bagi menanamkan sifat bantu membantu antara sesama Islam yang kurang bernasib baik.

Memang tidak dapat disangkalkan bahawa amalan ziarah menziarahi, kunjung mengunjungi rumah untuk bermaafan dan memberikan tahniah ucap selamat Hari Raya yang sedang kita lakukan pada masa ini ada mempunyai hikmat dan kelebihan yang besar gunanya kepada setiap diri orang Islam, kerana amalan seperti yang kita lakukan itu adalah merupakan salah satu faktor yang penting untuk tujuan perpaduan dan menghubungkan tali persaudaraan yang selama ini terjalin dengan kukuhnya yang diikat dengan firman Allah ... bererti: ... *orang Islam ... bersauda...* menyuruh ... kenal ... satu sama ... dalam ... akan ... saudara ... asas kepada ...

# HARI RAYA AIDILFITRI DITUNGGU-TUNGGU OLEH UMAT ISLAM (Sambungan

perpaduan ...

Orang ... sangat ... dalam ... banyak ... lunas ... pamanya ... yang kita ... raikan ... akan ... satu gambar... ti yang ... hari yang ... beberapa ... anak-anak ... dan ... pada ... sanak-sau... memohon ... abang ... belum ... berkenal-... mana ... membua... peradapa... yang jarang ... didapati ... ugama.

BERSA...

Terlanjur ... mengenai ...

# ...derma diterima ...uk orang2 cacat

...SERI BEGA- ...jabatan Keba- ...dan Sokan ...lalu telah ...derma yang ...yang ber- ...00. Derma ... adalah ...Orang-orang ...Brunei.

...telah di ...oleh seorang ...tempatan ...Tuah bin ...Pekan Muara ...00.00 dan ...$1,000.00 ...oleh Awang ...dari Pekan

... derma tersebut disampaikan kepada Pemangku Ketua Pegawai Kebajikan Masyarakat, Dayang Zaliha binte Haji Mohiddin.

Sementara itu, Awang Haji Tuah juga menyumbangkan sebanyak $2,000.00 kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei Muara.

Derma tersebut telah disampaikan kepada Pengerusi Tabung tersebut, Awang Haji Mohammad bin Haji Seruddin di Pejabat Daerah Brunei-Muara pada hari Isnin minggu lalu.

# Peperiksaan penilaian

SINAUT. — Salah satu daripada kurikulum latihan Kursus Juruteknik pertanian ialah penilaian oleh pemeriksa luar, iaitu selain daripada penilaian yang dijalankan oleh pusat ini, di mana pemeriksaan dari luar negeri dijemput datang ke pusat ini untuk menjalankan penilaian secara lisan bagi semua mata pelajaran yang diajarkan mengikut sukatan mata pelajaran yang disediakan.

Tahun ini dua orang pegawai dari Institut Teknologi Mara iaitu Awang Haji Mohammad bin Haji Wan Abd Kadir (Ketua Kajian Sains Gunaan) bagi mata pelajaran Pengolahan Tanaman dan Jentera Ladang dan Awang Izham bin Abd Rahim (Tutor) bagi mata pelajaran Pengusahaan Ternakan.

Peperiksaan tersebut telah dijalankan selama tiga hari 21hb, 22hb, dan 23hb Jun yang lalu.

Kedua-dua pegawai tersebut yang diundang bagi menjalankan perkara tersebut dibayai oleh Syarikat Minyak Shell Brunei.



Kelihatan Awang Haji Wan Mohammad sedang mengemukakan beberapa soalan kepada pelatih Ak Othman bin Pg. Damit.

# Mereka ini dikehendaki hadir ke Pejabat Tanah

## ...KOMPUTER UNTUK PENDAFTARAN DI DAERAH BRUNEI-MUARA

...makumkan bahawa sistem pendaftaran tanah-tanah di Daerah Brunei/Muara ...gunakan komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

...sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang ...daripada tuanpunya tanah-tanah berkenaan.

...demikian, nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil ...dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah Bandar Seri Begawan, Brunei ...30hb. Julai 1983 pada waktu-waktu pejabat dibuka dengan membawa kad ...semua geran-geran tanah yang dimiliki masing-masing.

| Nama | EDR No. | LOT No. |
|---|---|---|
| ...Mat Daud bin Mat Serudin | 100 | 114 |
| ...Sabudin bin Jalil | 100 | 114 |
| ...Awg Mohiddin bin Awang Ahmed | 107 | 122 |
| ...Awang Maidin bin Ahmed | 110 | 126 |
| ...Haji Ibrahim bin Ismail | 119 | 177 |
| ...Haji Chuchu bin Ismail | 119 | 177 |
| ...Besar bin Haji Kahar | 122 | 171 |
| ...IC No. 012937 (K) | | |
| ...Awang Asmat bin Mohd. Salleh | 125 | 179 |
| (As admin) | | |
| ...IC No. 016997(K) | | |
| ...Awang Dahlan bin Ahmad | 137 | 167 |
| ...IC No. 030178(K) | | |
| ...Awang Besar bin Dollah | 139 | 39 |
| ...Awang Damit bin Awang Tengah | 139 | 39 |
| ...Dayang Amsah bte Dollah | 139 | 39 |
| ...Dayang Taisah bte Dollah | 139 | 39 |
| ...Mohd. Salleh bin Haji Abd Jalil | 203 | 176 |
| ...Osman bin Lamit | 236 | 245 |
| ...Haji Abd Kahar bin Ahmad | 248 | 182 |
| ...Haji Abdullah bin Rimau Padang | 273 | 246 |
| ...Jamat bin Kamis | 274 | 247 |
| ...Saboh binte Kamis | 274 | 247 |
| ...Kula bin Omar | 274 | 247 |
| ...Awang Abd Rahman bin Haji Metahir | 275 | 239 |
| @Awang Durahman | | |
| ...Mohiddin bin Metassan | 204 | 251 |
| ...Jasni bin Abdullah | 204 | 251 |
| ...Aji bin Haji Abdullah | 204 | 251 |
| ...Haji Maidin bin Tassan | 204 | 251 |
| ...Salim bin Dollah | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Mahmud Saedon bin Awang Othman | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Haji Ibrahim bin Haji Hussin | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Haji Metussin bin Haji Ibrahim | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Dayang Siti Hasnah bte Haji-Ibrahim | 208 | 236 |
| @ Dayang Aji bte Haji Ibrahim | 221 | 231 |
| ...Dayang Iring bte Haji Ibrahim | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Wong Siew Sing | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Awang Budin bin Awang Ahmad | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Dayang Halimah bte Budin | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Dayang Maisalamah bte Awang Budin | 208 | 236 |
| | 221 | 231 |
| ...Abd. Hamid bin Karim | | |
| (as admin.) | | |
| ...Dayang Siti Jabidah bte Awang Budin | 208 | 236 |
| (Dayang Timbang) | 221 | 231 |
| Dy Hajah Fatimah bte Bendari Sigau | 230 | 235 |
| Hj Ahmad bin Haji Mohd Yassin | 230 | 235 |
| ...Lim Chai Lian | 231 | 240 |
| ...Dayang Besar bte Mohamed | 250 | 356 |
| ...Siti Hawa bte Mohamed | 250 | 356 |
| ...Dayang Maimunah bte Awang Damit | 250 | 356 |
| ...Dayang Banun bte Awg Damit | 250 | 356 |
| ...Dayang Piah bte Awang Damit | 250 | 356 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| ADV/56 | Issah bte Awang Damit | 250 | 356 |
| ADV/57 | Dayang Alus bte Awang Damit | 250 | 356 |
| ADV/58 | Mail bin Abdullah | 257 | 277 |
| ADV/59 | Brahim bin Abdullah | 257 | 277 |
| ADV/60 | Yahya bin Abdullah | 257 | 277 |
| ADV/61 | Maskupah bte Abdullah | 257 | 277 |
| ADV/62 | Abdullah bin Mohd Daud @ Umar bin Mohd. Daud | 257 | 277 |
| ADV/63 | Muhammad Hussein bin Haji Kassah | 260 | 211 |
| ADV/64 | Mohd Noor bin Bulat | 260 | 211 |
| ADV/65 | Jimbol bin Ajak | 260 | 211 |
| ADV/66 | Hussein bin Ajak | 260 | 211 |
| ADV/67 | Hajjah Aisah bte Abd Razak | 260 | 211 |
| ADV/68 | Abdul Latip bin Ajak @ Abd Ajak | 260 | 211 |
| ADV/69 | Mohamad Yasin bin Metassan | 260 | 211 |
| ADV/70 | Pg. Metassan bin Pg. Omarali | 260 | 211 |
| ADV/71 | Armah bte Kahar | 288 | 323 |
| ADV/72 | Awang Ajak bin Budin | 288 | 323 |
| ADV/73 | Ahmad bin Haji Hassan | 288 | 323 |
| ADV/81 | Dayang Tuah bte Puteh (sebagai pentadbir) | 291 | 326 |
| ADV/82 | Awang Osman bin Omar | 293 | 328 |
| ADV/83 | Haji Md Zin bin Tajudin | 295 | 330 |
| ADV/84 | Tarip bin Mohamed | 296 | 331 |
| ADV/85 | Samsudin bin Burut (Demong) | 297 | 332 |
| ADV/86 | Mohd Said bin Awang Damit | 309 | 164 |
| ADV/87 | Ismail bin Othman | 572 | 392 |
| ADV/88 | Hamid bin Budin | 572 | 392 |
| ADV/91 | Pilus bin Daim | 321 | 362 |
| ADV/92 | Metusin bin Mohamed | 322 | 363 |
| ADV/93 | Lim Kim Tun (Toon) | 336 | 377 |
| ADV/94 | Haji Abd Rahman bin Gapar | 337 | 378 |
| ADV/95 | Haji Masbah bin Haji Damit | 337 | 378 |
| ADV/96 | Ahmat bin Mat Tahir | 338 | 379 |
| ADV/97 | Matarsat bin Matusin | 342 | 460 |
| ADV/98 | Kahar bin Dollah | 346 | 451 |
| ADV/99 | Lim Soon Kian | 367 | 469 |
| ADV/100 | Lim Chin Hwa | 351 | 456 |
| | | 352 | 457 |
| ADV/101 | Rosinah bte Md Hassan | 354 | 134 |
| ADV/102 | Fatimah bte Ahmad | 354 | 134 |
| ADV/103 | Yussof bin Abdullah | 354 | 134 |
| ADV/104 | Norimah bte Mahmud | 354 | 134 |
| ADV/105 | Mat Serudin bin Kamis | 328 | 369 |
| ADV/106 | Abdulrahman bin Omar | 377 | 428 |
| ADV/107 | Lim Chin Hua (sebagai pentadbir) | 378 | 462 |
| ADV/108 | Salmah bte Ismail | 379 | 458 |
| ADV/109 | Seriah bte Ismail | 379 | 458 |
| ADV/110 | Asiah bte Ismail | 379 | 458 |
| ADV/111 | Bungsu bin Ismail | 379 | 458 |
| ADV/112 | Mohamed Taha bin Ismail | 379 | 458 |
| ADV/113 | Dayang Kaci bte Ali | 379 | 458 |
| ADV/114 | Mat Serudin bin Yassin | 392 | 478 |
| ADV/115 | Mohamed Yassin bin Salleh | 393 | 479 |
| ADV/116 | Abdul Latip bin Resat | 393 | 479 |
| ADV/118 | Durahman bin Metudin | 415 | 396 |
| ADV/120 | Mohamed Salleh bin Usop | 417 | 401 |
| ADV/121 | Metarshad bin Bakar | 418 | 400 |
| ADV/122 | Othman bin Bakar | 418 | 400 |
| ADV/123 | Lim Thian Chong | 419 | 403 |
| ADV/124 | Tan Chiang Kee | 419 | 403 |
| ADV/125 | Lim Kian Hiong | 419 | 403 |
| ADV/126 | Abu Bakar bin Chuchu | 465 | 165 |
| ADV/127 | Dayang Ering binte Chuchu | 465 | 165 |
| ADV/132 | Haji Gani | 483 | — |
| ADV/133 | Pg. Mohamed Limbang bin Pg. Mat Salleh | 511 | 547 |
| ADV/134 | Lim King Soo | 551 | 571 |
| ADV/135 | Lim Kian Seng | 551 | 571 |
| ADV/137 | Kahar bin Rani | 570 | — |
| ADV/138 | Akil bin Jaludin | 414 | 394 |
| ADV/142 | Tengah bin Haji Mursit @ Tengah bin Haji Morshid | 561 | 590 |
| ADV/143 | Ong Kai Tit | 549 | 627 |
| ADV/144 | Lim Teck Hui | 549 | 627 |
| ADV/125 (A) | Lim Chin Hian | 419 | 403 |

# RTB Intisari minggu ini

## Radio minggu ini:

# RAYA BRUNEI RAYA

DEMIKIANLAH setiap tahun. Radio Brunei menjadi sumber suasana berhari raya. Dari studionya dipancarkan takbir dan tahmid. Dari studionya kedengaran tawa dan tangis raya, sedih dan gembira Aidilfitri. Dan paling agungnya berkumandang sembahyang raya Aidilfitri melambangkan kepada dunia bahawa Brunei Darussalam adalah negara yang mendaulatkan Islam sebagai agama rasmi yang tercatat dalam perlembagaannya.

Di hari yang mulia itu, saat setiap wajah penganut Islam bermain dengan seri kenangan dan despite... 

Selamat Hari Raya Awda, dan maaf zahir dan batin serta salam kasih awda disampaikan oleh Radio Brunei kepada saudara mara awda yang tercinta atau kepada orang yang paling Awda sayangi di dunia ini malah kepada siapa sahaja. Itulah sebahagian tugas Juruhebah Radio di hari Awda menyambut Raya Aidilfitri agar peranan radio itu dapat digunakan sebaik-baiknya pada hari baik bulan baik itu.

Kegembiraan rakyat dan penduduk di hari mulia itu yang berkesempatan berhari raya berziarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat Diraja pada hari-hari raya kedua, ketiga dan keempat, telah jelas kelihatan tiap-tiap rakyat menampakkan wajah gembira dan disertai dengan taat setia yang tidak berbelah bahagi.

Khidmat radio kepada orang ramai semasa hari raya ini, telah menyeluruh ditujukan kepada masyarakat Brunei dengan beberapa peringkat. Peringkat kanak-kanak, dewasa dan golongan tua juga sama-sama dapat menikmati rancangan-rancangan yang disajikan.

Begitu pun kami rasa khidmat untuk berhari raya dengan para pendengar terasa belum memadai lagi. Kerana itu kami sediakan pula ruangan permintaan hari raya menerusi telefon yang disiarkan secara langsung dari rumah ke rumah yang telah menempah lebih awal sebelum hari raya tiba. Ucapan-ucapan selamat Hari Raya awda telah kedengaran menerusi radio masing-masing di mana awda menujukan kepada sanak-saudara dan teman awda yang jauh-jauh di samping Juruhebah yang bertugas di studio mengiringi ucapan Selamat Hari Raya dengan lagu-lagu pilehan. Selain dari itu telah ke udara beberapa buah rancangan khas untuk hari raya seperti yang dijanjikan.

Dan ketika awda membaca Radio Minggu Ini keluaran hari ini, Awda sedang berada disuasana Hari Raya Aidilfitri.

Akhir sekali, Radio Minggu Ini, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan maaf zahir dan batin.



TAMAN mekar di Aidilfitri, membawa para pendengar mengikuti nyanyian, ber... teki dengan adik-adik yang diundang khas oleh penerbitnya Md Shah Haji S... cangan tersebut disiarkan pada Hari Raya Ketiga jam 8.15 pagi. Kelihatan ... lam gambar, salah seorang peserta ditemuramah oleh Dk Salbiah. Gambar ... kelihatan penyanyi veteran, Muhammad Haji Metussin, dengan penuh perasaan ... sebuah lagu persembahannya dalam rancangan Pestaria yang disiarkan Hari Raya ...

## *Sandiwara radio minggu ini:*

## Meniti jurang di akhir keinsafan

SANDIWARA Radio Minggu Ini berjudul MENITI JURANG DI AKHIR KEINSAFAN tulisan Ena Hairizan, Brunei.

Penulis cuba mengetengahkan tentang harapan bagi seorang pesakit lumpuh. Yang menjadi tanda-tanya ialah, apakah seorang pengidap lumpuh itu boleh sembuh kembali dan dapat hidup seperti orang lain? Masalah inilah yang dialami oleh Azman, watak utama dalam sandiwara ini.

Azman yang bertunang dengan Mariah mengalami sakit lumpuh setelah mendapat kemalangan. Pada mulanya, Mariah yang walaupun merasa sedih atas kejadian yang menimpa tunangnya, tetap juga berazam untuk terus setia walau bagaimana sekali pun keadaan Azman.

Apa yang menyedihkan ialah bila ibu Mariah campurtangan dalam hal itu. Pertunangan anaknya dengan Azman sudah tidak direstui lagi. Hinggalah pada satu hari ibu Mariah merancangkan pertemuan Mariah dengan Ramli bekas teman lamanya.

Setelah pertemuan itulah, perasaan Mariah terdurung untuk memutuskan pertunangannya dengan Azman. Segala nasihat Edah, teman karibnya sudah tidak diindahkan lagi. Sementara Azman pula telah menerima berita baik yang berkaitan dengan rawatannya.

Apakah reaksi Azman tentang keputusan Mariah itu? Bagaimana pula hubungan Mariah dengan Ramli setelah Mariah bebas dari ikatan pertunangnya? Akan bahagia ia atau bagaimana? Untuk mengetahui kisah sepenuhnya pada 17hb Julai, 1983 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Dk. Maskupah Pengiran Tajuddin.



# Rancangan TVP — dari 18hb. hingga 23hb. Julai 1983

### ISNIN — 18HB JULAI

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 17 (Birds And Animal in Brunei)
Siri ini membawa murid-murid melawat ke tempat binatang dan burung, seterusnya mengajar mengenali beberapa jenis nama binatang dan burung yang terdapat di Brunei.
Di Magic Pool Izat dan Jay Jay nampak perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'q'. Rancangan diakhiri dengan sebuah cerita mengenai Tiga Orang Pemuda Adik Beradik.

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 6. (Magnet 1)
Rancangan ini adalah bahagian pertama dari siri rancangan 'Magnet'. Dalam Rancangan ini murid-murid akan belajar mengenai :

1. Sejarah magnet
2. Apakah dia Kompas ?
3. Cara-cara membuat Kompas mudah.

Benarkah Kompas sangat mustahak kepada pelaut? Bagaimana kompas boleh menolong mereka? Untuk mengetahui jawapannya, ikutilah rancangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 913
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, KERJA TANGAN, SI MANIS, BOLA TUMBUK, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.
Tajuk CERITA Cikgu Rokiah ialah Long dangan Pokok Kacang.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 913.

### SELASA — 19HB JULAI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 17 (Birds And Animal in Brunei)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 1)

10.30 KAP KAP UDANG 914
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PAK LONG, AMINAH, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 914.

### RABU — 20HB JULAI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 17 (Birds And Animal in Brunei)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Magnet 1)

10.30 KAP KAP UDANG 915
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti TUNJUK BENDA, KATA SI MANIS, SI MANIS, MAIN BANG, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 915.

### KHAMIS — 21HB JULAI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 916.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, KAJIAN SEMULA JADI, MAIN BAKUL, BELUN SI MANIS, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 916.

### SABTU — 23HB JULAI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 917.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti LIHAT DAN PERHATI, TUNJUK BENDA, BERSENAM, YANG MANA GANJIL, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 917.



MENDAPAT giliran untuk ... dalam rancangan Dari Penden... dengar minggu ini ialah S... di No. 30A, Kampung Bab...
Awang Saprane akan ... buah lagu kegemarannya ... pada hari Isnin 18hb Julai ...

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

... RAYA KEDUA
...HB JULAI

...KAAN
...AN DAN MARI KITA
...
... RANCANGAN
...NGAN AKHIR BIN-
...CIL 1983 (Ulangan)
... SPECIAL : 'Gnomes'
...
... MESRA : 'Pretty Sisters'
...HUR
... MESRA — sambungan
...AN GAMBAR :
... The Centre of The
...
... MUTIKA '83
... UDANG AIDILFITRI
... ASAR
... UDANG AIDILFITRI
...
...NG SAYANG
...NTARY : 'Mysteries of
...
... AWAL
...NTARY — sambungan
... MAGHRIB
...NTARY — sambungan

... DALAM BAHASA
...
... ANTHONY GOLD COAST/
...GIC
... ISYAK
... ANTHONY GOLD COAST/
...GIC — sambungan
... BERITA
... KITANI SPECIAL
... Sepanjangan Perjalanan'
... AIDILFITRI
... TAMAT.

...HB JULAI

... RAYA KETIGA

...AAN
...AN DAN MARI KITA
...
...AN DAN MARI KITA
...NTARY :
... The Unknown'
...RAMA AIDILFITRI
... GOES TO THE MOVIE
... ZUHUR
...
... RAHIM DI BRUNEI
... AND THE SPACE MUTT
... GEES

... NADA
...AN GAMBAR :
...
... ASAR
...AN GAMBAR —
...
... UDANG AIDILFITRI
... BERSEMI
... AWAL
... BERSEMI — sambungan
... MAGHRIB
... BERSEMI — sambungan

... DALAM BAHASA
...
... RIDER
... ISYAK
... RIDER — sambungan
... BERITA
...A AIDILFITRI
... SATRIA ABADI
... SIRIH
...AN GAMBAR INDO-
... Ina Maya dan Kakek
... TAMAT.

## HARI JUMAAT 15HB JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.16 CERAMAH AGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.25 ROAD TO L.A.

**PETANG**

2.15 BRET MAVERICK : 'Anything For A Friend'
3.00 MIGHTY MAN AND YURK
3.30 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM : 'In The Tentallies of The Octopus'
3.51 AZAN ASAR
3.56 EXPEDITION TO THE ANIMAL KINGDOM — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCALS
4.25 BENGKEL KANAK-KANAK
4.45 THE ELECTRIC COMPANY
5.05 POWER OF THE ATOM
5.35 RICKETY ROCKET
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 FILEM RENCANA
6.42 AZAN MAGHRIB
6.51 FILEM RENCANA — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TUCKER'S WITCH :
7.53 AZAN ISYAK
7.58 TUCKER'S WITCH — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 DRAMA TEMPATAN
9.35 DALLAS : 'The Sting'
10.25 BENSON
10.55 CBS SPORTS SPECTACULAR
11.25 CHICAGO STORY : 'Bad Blood' Bhg 2.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 16HB JULAI

**PETANG**

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 TAYANGAN GAMBAR : 'Towering Inferno'
3.51 AZAN ASAR
3.56 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
5.00 KAP KAP UDANG
5.30 SALAM SAYANG SELALU : 'Puput Novel'
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATURE WATCH : "Sound of Nature"
6.30 ANIMAL WORLD: 'Wapiti'
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 ANIMAL WORLD — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL
7.53 AZAN ISYAK
7.58 THE BEST OF THE MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK : 'Pudding Sagu'
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : 'The Man Who Died Twice' 'Kisah seorang pelukis di Spain yang disangka mati tetapi hidup kembali apabila tiba ke satu masalah yang menyulitkan mengenai dengan pembelian lukisan yang melibatkan penipuan.' Pelakon-pelakon: Stuart Whitman, Brigitte Fosey, Jereme Slate, Bernard Lee.
12.35 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 17HB JULAI

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK : 'Night of The Walking Doom'
2.40 THE JEFFERSONS
3.10 MESRARIA No. 1 (Ulangan)
3.51 AZAN ASAR
3.55 MESRARIA — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
4.30 BENGKEL KANAK-KANAK
5.00 DR WHO : 'Full Circle' Bhg 1.
5.15 TARGET THE IMPOSSIBLE
5.45 RAHIMAH RAHIM DI BRUNEI — Ulangan
6.00 BERITA AWAL
6.05 RAHIMAH RAHIM DI BRUNEI — sambungan
6.15 LOVE SIDNEY : 'Laurie's First Date, A.D.'
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 LOVE SIDNEY — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON
7.53 AZAN ISYAK
7.58 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 FORUM No. 2.
9.25 MIND YOUR LANGUAGE
10.00 DOCUMENTARI : 'Singapore Industrial Revolution'
10.50 BRIDESHEAD REVISITED
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 18HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE WHISPER OF GLOCKEN
5.15 THE PERILS OF PENELOPE PITSTOP : 'Bad Fortune In A Chinese Fortune Cookie'
5.40 DATARDLY AND MUTTLEY
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY : "Lady of The Tiger"
7.53 AZAN ISYAK
7.58 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 ARE YOU BEING SERVED : 'Front Page Story'
9.35 THE VOYAGE OF CHARLES DARWIN
10.30 FREEDOM ROAD
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 19HB JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE PHOENIX AND THE CARPET : 'The Hole In The Carpet'
5.30 CURIOUS GEORGE
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
6.42 AZAN MAGHRIB
6.50 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST : 'Broken Promise'
7.53 AZAN ISYAK
7.58 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.10 STRANGERS : 'Accidental Death'
10.10 TAYANGAN GAMBAR : 'The Users' Pelakon-pelakon : Jaclyn Smith, Tony Curtis, Red Buttons, Alan Feinstein.
11.50 SIARAN TAMAT.




**GAMBAR di atas ialah Tim Matheson dan Catherine Hicks sepasang suami isteri memegang peranan utama dalam siri TUCKER'S WITCH. Siri ini akan dapat awda tontoni pada tiap-tiap hari Jumaat kira-kira jam 7.15 malam.**



Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof menyampaikan derma kepada salah seorang anak yatim di Daerah Tutong.

# DERMA MENJELANG HARI RAY[A] UNTUK ANAK-ANAK YATIM

Oleh: Aisah Piee dan Abd Karim

PEKAN BANGAR. — Derma sejumlah $7,420.00 dari Jawatankuasa Tabung Anak-anak Yatim dan Orang-orang Sakit Daerah Temburong telah disampaikan kepada 106 orang anak-anak yatim.

Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka, Awang Haji Hussin, Pengarah Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan menyampaikan derma itu di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Pengerusi Jawatankuasa Tabung Tersebut, Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awangku Salleh bin Pengiran Kamaluddin dalam ucapan alu-aluannya menyeru para hartawan dan dermawan di seluruh pelusuk negara agar akan dapat menghulurkan sedikit sebanyak derma bakti mereka kepada tabung itu bagi membolehkan jawatankuasanya mengungkayahkan usaha-usaha yang berkebajikan.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Muhammad selaku penasihat jawatankuasa tabung itu berkeyakinan huluran derma seperti itu akan dapat meringankan lagi penjaga anak-anak yatim di samping anak-anak yatim itu akan dapat bersama-sama bergembira menyambut Hari Raya yang mulia seperti kawan-kawan mereka yang bernasib baik.

Majlis yang dilangsungkan pada pagi Isnin, 24 hari bulan Julai itu telah juga dihadiri oleh Yang Berhormat Pehin Datu Pekerma Dewa, Awang Haji Abd. Rahim bin Akim, Kadi Daerah Temburong, Awang Tassim bin Akim, Pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Pegawai-pegawai Kanan Daerah Temburong; penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta penjaga-penjaga anak-anak yatim.

Ianya di akhiri dengan bacaan doa selamat oleh Ustaz Haji Abd. Rahman bin Piah, Nazir Lawatan Sekolah-sekolah Ugama Daerah Temburong.

Sementara itu, seramai 200 orang anak yatim di Daerah Belait, pagi Ahad 3hb. Julai lalu, telah menerima derma wang tunai sebanyak $45.00 tiap-tiap seorang, sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Di ucapara yang sama, tiga orang anak yatim telah menerima wang tunai sebanyak $300, sebagai derma pelajaran terbaik bagi tahun 1982. Mereka ialah Abd. Samad Haji Hanafiah, Sabat Mohammad dan Lenit Anak Ambang.

Penyampaian derma tersebut telah dilakukan oleh Kadi Daerah Belait, Awangku Haji Jabaruddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh, bertempat di Kelab Ria Kuala Belait.

Di samping menerima derma dari Lembaga Tabung Derma Anak Yatim, mereka juga telah menerima sumbangan dari Serikandi Cafe & Restoran dan 48 pasang kasut sumbangan sebuah syarikat perniagaan di daerah itu.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Alihasan bin Pengiran DSLJ Haji Abas yang juga selaku Pengerusi Lembaga Tabung, dalam ucapan alu-aluannya berkata bantuan seumpama itu sedikit sebanyak akan mengurangkan bebanan anak-anak yatim dan membolehkan mereka meraikan Hari Raya dengan gembira.

Katanya, derma pagi itu tidaklah terhad bagi anak-anak yatim yang berugama Islam, sahaja, malah bantuan serupa juga diberikan kepada mereka yang bukan berugama Islam.

Pengiran Alihassan seterusnya mengucapkan terima kasih kepada para dermawan, orang-orang perseorangan, pegawai-pegawai Kerajaan dan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad serta pertubuhan persatuan atas sumbangan yang mereka berikan.

Turut hadir di majlis pagi itu ialah Penghulu Mukim Belait, Pengiran Haji Mohd. Said bin Pengiran Ahmad, Ketua-ketua Kampung serta ahli-ahli jawatankuasa Tabung Derma Anak-Anak Yatim.

Di Tutong ...
Amal Anak ...
Tutong pagi ...
mendermakan ...
jumlah ...
git kepada ...
anak yatim ...

Penyampaian ...
disempurnakan ...
Mulia Pengiran ...
Pengiran Haj ...
Pengiran Haj ...
satu majlis ...
Dewan ...

Majlis pagi ...
ucapan alu-...
Pegawai Daerah ...
bin Haji ...
selaku Pengerusi ...
Amal Anak ...
Tutong.

Beliau ...
bangan yang ...
tiap-tiap ...
memberikan ...
anak-anak ...
Aidilfitri.

Hadir sama ...
Kadi Daerah ...
ji Metusin ...
Berhormat ...
Indera Awang ...
Ibrahim, ahli-...
Tabung, penghulu-...
ta ketua-ketua ...



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja ... Awang Haji Hussin menanyakan sesuatu ... anak yatim sebelum Yang Berhormat itu meny... majlis menyampaian derma di Pekan Bangar, ...

## Peperiksaan Royal Society of Arts bulan Nobember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persiapan-persiapan kini sedang di buat untuk mengadakan peperiksaan Royal Society of Arts Single Subject dalam bulan Nobember tahun ini di pusat-pusat seperti berikut:

Di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan, di Maktab Anthony Abell, Seria, di Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait dan di Pusat Latihan Teknikal, Jalan Muara (bagi calon-calon sekolah sahaja).

Antara mata pelajarannya ialah Book-keeping, Shorthand, Typewriting, Office Practice, Commerce, Arithmatic, English Language dan English as A Foreign Language yang diadakan dalam tiga peringkat iaitu permulaan, menengah dan tertinggi.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat Lembaga Peperiksaan, Brunei atau dari Penyelia-penyelia Pusat Pelajaran Dewasa di Maktab Anthony Abell, Seria, Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait dan Pengetua Pusat Latihan Teknikal bagi penuntut-penuntut pusat tersebut sahaja.

Bayaran masuk peperiksaan hendaklah dibayar secara tunai atau cek yang dibayar kepada Lembaga Peperiksaan Brunei.

Semua borang-borang yang telah diisi hendaklah sampai ke Pejabat Lembaga Peperiksaan, Jalan Berakas tidak lewat dari 31hb. Julai, 1983. Sebarang permohonan yang lewat diterima dari tarikh tersebut tidak akan diterima.

## Naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikkan pangkat empat orang pegawai AMDB tiga orang dinaikkan ke pangkat Mejar dan seorang ke pangkat Lt. Muda.

Kapten Rosli bin Mohd Arif, Kapten Haliddin bin Haji Ahmad Yunus dari Batalion Kedua dan Kapten Johari bin Haji Abd Razak dari Battalion Kedua dinaikkan pangkat ke Mejar sementara Pegawai Kadet Adanani bin Engin dari Angkatan Laut dinaikkan ke pangkat Lt. Muda mulai 1hb Mei 1983.

Kenaikan pangkat bagi Kpt. Rosli dan Kpt. Johari bermula dari 1hb. Mac. 1983 manakala Kpt. Haliddin bermula 6hb. Jun. 1983.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 18hb. hingga 20hb. Julai 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 18.7.1983 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd. Salleh, Sungai Hanching | 18.7.1983 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 19.7.1983 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 19.7.1983 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampung Kiulap | 19.7.1983 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Gadong, Kampung Beribi | 19.7.1983 | Selasa | 3.35– 4.00 „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong | 19.7.1983 | Selasa | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau Manis | 20.7.1983 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 20.7.1983 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 20.7.1983 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |

## 5 orang pegawai po[lis] hadiri kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei telah berlepas meninggalkan Brunei pada minggu lalu untuk menjalani kursus di seberang laut.

Pemangku Supt. Manan bin Osman dan Pemangku Supt. Hussein bin Hidup menghadiri kursus FBI di Amerika Syarikat selama tiga bulan.

Asp. ...
Sanip meng...
Maktab Polis ...
England ...
bulan.

Sementara ...
Inspektor ...
akan meng...
Polis Seb...
Sekolah ...
Metropolitan ...
bulan. Mere...
Fatimah ...
Insp. Amin...
Yassin.

# …AWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## …BAGAI PENTERJEMAH

…N-permohonan …wa daripada …ang terdiri dari … Yang Maha … Seri Baginda … Yang Dipertuan … Darussalam un… sebagai PEN… Inggeris/Mela… Perkhidmatan Ke…

…5 — $720-$1290 … permulaan ber… kelayakan… pengalaman :

…kelayakan : …ikan Sijil Am … (Perengkat … 5 mata pelajar… Bahasa Inggeris … atau Sijil Perse… mendapat ke… Bahasa Inggeris dan Melayu. Sebaik-baiknya mempunyai pengetahuan Jawi.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 17hb Julai, 1983.

(E/273/62/2)

(Bil.: 117/1983)

## …ABATAN PASUKAN BOMBA
## …ERITAHUAN TAWARAN 13/1983

…-syarikat tempatan … adalah dipela… …hantar tawaran … dua tahun bagi …:—

… Peaked Cap Blue/ … digunakan bagi … hingga ke pang… dengan buatan … yang bermutu dan … baik.

…syarikat yang ber… dapat mem… kurang-kurangnya … tarikh pemesan… kebenaran di…

…syarikat yang … hendaklah meenya… bersih bagi tiap… jenis-jenis topi yang …

4. Keterangan-keterangan lanjut mengenai perkara di atas boleh didapati dari Penyelenggara Stor atau Pegawai Turus, Ibu Pejabat Pasukan Bomba Bandar Seri Begawan.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Pejabat Kewangan Negara,
Tingkat Bawah
Bangunan Setiausaha Kerajaan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Dan sampul surat hendaklah bertanda : "Tawaran bagi membekalkan topi" tidak lewat dari 18hb Julai, 1983 jam 12.00 tengah hari.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

### No. 50/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

NETTING MOSQUITO AND SCREEN VINYL

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 51/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

STONE 'CARBORANDUM' RECTANGULAR, COMBINATION - COARSE GRIT/FINE FRIT, SILICON CARBIDE No. 108.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 52/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

PEMBEKALAN VALVE BRASS GLOBE DAN LAIN-LAIN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 53/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

TYRE AND TUBELESS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan-Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 54/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

SLOTTED ANGLE, BOLTS AND NUTS AND ANCHOR PLATE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 55/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

TROPICAL CHLORIDE OF LIME.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 56/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

CURRENT INJECTION, OIL TESTER "POSTER" AND H.T. TEST PROBE "FERRANTI".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

### No. 57/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei : —

SOAP WASHING, BROOM HANDLE AND MOP COMPLETE WITH METAL FITTINGS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa watku-waktu bekerja.

## Sebagai Pembantu Pegawai Jurutera Laut

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PEMBANTU PEGAWAI JURUTERA LAUT di Jabatan Laut, Brunei.

B. 1 EB. 2 — $1240-$3280 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Sijil Kecekapan sebagai Jurutera Kelas Dua (Motor) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdagangan dan Perusahan United Kingdom atau kelulusan yang sebanding. Pernah berkhidmat di Jabatan Laut atau Penguasa Pelabuhan dan/atau mempunyai pengalaman sebagai Ketua atau Jurutera Kedua bagi kapal pengorek merupakan satu kelebihan.

**Tugas :**

Tugas-tugas utama ialah berkhidmat selaku Ketua Jurutera kapal pengorek yang berpengkalan di Pelabuhan Muara, Brunei atau sebagai Ketua Jurutera Kapal Tunda dan penyelamat. Tugas-tugas am sebagai Pembantu Pegawai Jurutera Laut yang mungkin diperlukan mengikut keperluan perkhidmatan dalam Jabatan.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 13hb Ogos, 1983.

(E/914/72)

(Bil.: 118/1983)

## …AWARAN …ANG-BARANG …ENTUK DAN …AFIK RTB

…-tawaran akan di… Pengerusi Lem… di Pejabat Ke… Brunei, Ting… Bandar Seri Bega… sehingga 18hb … hari Isnin jam … hari daripada … yang boleh … barang yang ter…:—

…ARANG RE… …TUK DAN …K RTB

…kumen tawaran …-penerangan … boleh1ah di… Tingkat I Baha… Radio Tele… bila-bila masa …

…tawaran hendaklah … dalam sampul … TAWARAN …ARANG REKA… DAN GERAFIK … syarikat tidak … di sampul … hendaklah dialamat…

… Tawaran … Kewangan … Seri Begawan,

… Kebawah Duli … Mulia Paduka … dan Yang … Brunei … akan terikat … tawaran yang pa… apa-apa pun

## CIVIL AVIATION DEPARTMENT TENDER NOTICES

1. TENDERS are invited for the supply of boots and shoes for Department of Civil Aviation, Airport Firemen.
2. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 pm on Monday 18th July, 1983 for the supply of safety boots and shoes for Airport Firemen.
3. Tenders are required to quote prices for boots/shoes per pair as follows : —

| | | Size | Quantity |
|---|---|---|---|
| a) | Long boot leather for Fireman (Black) | 5 | 13 pairs |
| b) | Long boot leather for Fireman (Black) | 5/6 | 3 pairs |
| c) | Long boot leather for Fireman (Black) | 6 | 10 pairs |
| d) | Long boot leather for Fireman (Black) | 6/7 | 7 pairs |
| e) | Long boot leather for Fireman (Black) | 7 | 34 pairs |
| f) | Long boot leather for Fireman (Black) | 7/8 | 4 pairs |
| g) | Long boot leather for Fireman (Black) | 8 | 10 pairs |
| h) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 5 | 8 pairs |
| i) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 5½ | 7 pairs |
| j) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 6 | 15 pairs |
| k) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 6½ | 6 pairs |
| l) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 7 | 18 pairs |
| m) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 7½ | 13 pairs |
| n) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 7/8 | 2 pairs |
| o) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 8 | 11 pairs |
| p) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 8½ | 1 pair |
| q) | Ankle Cuff Safety boot leather (Black) | 8/9 | 1 pair |
| r) | Slip-in shoe Black Leather | 4 | 2 pairs |
| s) | ,, ,, ,, ,, | 5 | 17 pairs |
| t) | ,, ,, ,, ,, | 6 | 34 pairs |
| u) | ,, ,, ,, ,, | 7 | 21 pairs |
| v) | ,, ,, ,, ,, | 8 | 8 pairs |

4. Details of boots and shoes can be obtained from the Stores Officer Airport Fire Service, Brunei International Airport. All boots and shoes must be supplied within a reasonable time and to the satisfaction of the Chief Fire Officer, Department of Civil Aviation, Brunei International Airport.
5. Tenders must be submitted in a sealed envelope bearing no indication of the name of tenderer and shall be marked clearly "Tender for the supply of boots and shoes for Airport Firemen, Department of Civil Aviation."
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

**Tailoring and Supplying Material for Department of Civil Aviation, Airport Fire Service Uniforms**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 pm on Monday 18th July 1982 for Training and Supplying Materials for Airport Fire Service Uniforms.
2. Tenders are required to quote prices per piece/suit for the Supply and Tailoring of the following uniforms:—
3. **Blue Material Dungaree — Lightweight**

| | |
|---|---|
| 18 inch splitzip fastner jacket long sleeves with trousers | $............per suit |
| 18 inch splitzip fastner jacket | $............per piece |
| Trousers Dungaree | $............per pair |
| **Blue Material — Parade Uniform — Lightweight** | |
| Tunic Bush Jacket Style with epaulette short sleeves with trousers for Officers | $............per suit |
| Tunic Bush Jacket Style with epaulette long sleeves with trousers for Officers | $............per suit |
| Trousers for Officers | $............per pair |
| Tunic Bush Jacket Style short sleeve with trousers for Firemen | $............per suit |
| Tunic Bush Jacket Style long sleeve with trousers for Firemen | $............per suit |
| Trousers for Firemen | $............per pair |
| Epaulette's | $............per pair |
| Songkok | $............ each |
| Blue shirt short sleeve | $............ each |
| White shirt short sleeve | $............ each |
| White shirt long sleeve | $............ each |

4. Details of the uniform material and specification can be obtained from the Stores Officer, Airport Fire Service, Brunei International Airport.
5. All uniforms must be tailored within reasonable time and to the satisfaction of the Chief Fire Service Officer, Department of Civil Aviation and if not to his satisfaction, the uniforms may be reurned to the Contractor to make the necessary alterations without extra charge.
6. The period of Contract of the above tender is only for one year commencing 1st August 1983. The Contract may be terminated by either party giving one month notice in writing.
7. Tenders must be submitted in sealed envelope bearing no indication of the name of tenderer and shall be marked clearly "Tender for the Tailoring and Supply of Material for Airport Fire Service Uniforms.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL. 269 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas Specialist untuk:

PROJEK: MEMBEKAL DAN MEMASANG GERAFIK/TANDA-TANDA DI SKUADRON JURUTERA PENGGEMPUR, PENANJONG CANTONMENT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di SAA Partnership Architect, Unit 1, Block E, 1st Floor, Jefri Bolkiah Building, Seri Complex, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 270 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMASANG 4" A.C. PIPE DI KAMPUNG LUBOK SIGURUN, BATU 12, JALAN LIMAU MANIS, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 271 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: CADANGAN SEBUAH STOR BIASA UNTUK SEKOLAH AGAMA P.A.P. RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH, PEKAN SERIA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 272 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: CADANGAN BLOK-BLOK BARIK YANG BARU, PENANJONG (3 TINGKAT BLOK ARTILLERY REGIMENT, IBU PEJABAT GARRISON DAN BLOK SUPPORT UNIT, ARMOURED SQUADRON DAN BLOK JURUTERA-JURUTERA COMBAT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $5,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 273 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN PADANG PERMAINAN BAGI TEMPAT TAHANAN, KAMPUNG PASAI, BRUNEI".

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai. 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 274 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: PEMBINAAN KAUNTER PEMBAYARAN DAN MEMBAIKI TANDA-TANDA DI PASAR MALAM DAN BERHAMPIRAN PASAR SAYUR, BANDAR SERI BEGAWAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 275 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:

PROJEK: "CADANGAN PERUMAHAN KAKITANGAN 3 UNIT RUMAH-RUMAH KELAS "G" DAN 2 BLOK BARIK BAGI STESEN BOMBA, TEMBURONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 276 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

MEMBEKAL DAN MENYERAHKAN BARANG-BARANG BESI (IRONMONGERY) BAGI RUMAH SAKIT DAN RUMAH-RUMAH DI TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati dari Akitek Billings Leong dan Rex Koh, Suite 43, Britannia House, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 21hb Julai. 1983.

Tarikh tutup: 25hb Julai, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa adalah pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL. 277 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN KHUTUB KHANAH BAGI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, DI TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 278 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: TAMBAHAN BOMBA LAUT DI SUNGAI LAMPAI, BANDAR SERI BEGAWAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 285 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas (electrical) untuk:

PROJEK: "LAMPU DAN ELEKTRIK BANGSAL KAPAL TERBANG BAHARU BAGI PENERBANGAN 'C' KEM ASKAR UDARA, SERIA".

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 286 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' dan ke atas (air-conditioning) untuk:

PROJEK: "HAWA DINGIN DAN PENCEDARAN BAGI PENERBANGAN 'C' KEM ASKAR UDARA, UDARA — BANGSAL KAPAL TERBANG BAHARU SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, 2nd Floor, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $300.00.

### BIL. 287 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: " MENINGGALKAN DAN MERENDAHKAN LORANG BETUNG (SEWER MANHOLES) YANG ADA SEKARANG DI DAERAH BRUNEI-MUARA, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (untuk lukisan).

### BIL. 279 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN GARAJ R.C. DI PEJABAT P.W.D. YANG BARU, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, BANDAR SERI BEG...

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (luki...

### BIL. 280 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem... borong Kelas 'AX' dan ke atas untuk:

PROJEK: "KERJA-KERJA MEMBAIKI ... BERSIH DAN MENCAT SEMULA ... S.O.A.S. DAN LAIN-LAIN BANGUNAN ... DAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL. 281 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem... borong Kelas 'C' dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN STRUKTUR ... LAIN-LAIN KERJA BAGI DAERAH ... TUTONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 ...

### BIL. 282 TAHUN 1982

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem... borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: KERJA-KERJA MEMBAIKI ... MENCAT SEMULA BANGUNAN PUS... KATAN ENAM, LENGKAP TERMAS... LAIN BANGUNAN KEPUNYAAN PUS... KATAN ENAM, GADONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 283 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem... borong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: MEMBEKAL DAN MENGHANT... BATU JENIS CRUSHER-RUN BAGI ... BAIKI VERTICAL ALIGNMENT DI ... JALAN TUTONG, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam ... hari Khamis 28hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.

### BIL. 284 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pem... borong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "CADANGAN KERJA-KERJA ... DAN PILE CAP BAGI BANGUNAN ... UNDANG-UNDANG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh ... didapati di International Project Consultant, Ro... tannia House, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan ... 4.00 petang hari Selasa 26hb Julai, 1983.

Tarikh tutup: 1hb Ogos, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 ...

## DEPARTMENT OF AGRICULTU...

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of 2000 rolls and upward of 12 gauge, double-strand babed wire for fencing purposes to the Department of Agriculture, Brunei.

2. Tenderers should submit the following informations:—
   (a) Price c.i.f. Agricultural Stores, Kilanas Agricultural Station
   (b) Barb spacing
   (c) Weight per roll
   (d) Length per roll
   (e) Delivery date.

3. Tenders should be marked 'BARBED WIRE — AGRICULTURE DEPARTMENT — CONFIDENTIAL' and sent to the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, on Monday 25th July, 1983.

4. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDERS are invited for the supply of the following fencing materials ... ment of Agricu...
   (a) Hi-tensi...
   (b) Galvanised ...
   (c) Steel ...
   (d) Galvanised ... fence dr...
   (e) Fence ...

2. Tenders should ... c.i.f. Luahan ... stock Station.

3. Further det... able from Agri... (Livestock), L... dong, Telephone ...

4. Tenders should ... ed 'FENCING ... — AGRICULTU... PARTMENT — ... ENTIAL' and ... Chairman, Te... Brunei, at ... the State F... Ground Floor, S... Building, Band... wan, Brunei ... 12.00 noon, on ... July, 1983.

5. The Govern... bind itself to ... est or any tender...

# …AWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## …ABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

…-permohonan adalah dipelawa daripada calon-… dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka … dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei … memenuhi jawatan-jawatan kosong yang … dan Televisyen, Brunei.

…OB JURUTEMALI :

…: D. 2 EB. 3 — $515-$900 sebulan. Gaji … bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan …

**…layakan dan Pengalaman**

…mohon hendaklah telah bersekolah sekurang-… Tingkatan III dan mempunyai lesen … V dan sekurang-kurangnya 3 tahun penga-… kenderaan berat dan tidak pernah di-… kesalahan memandu.

…cakap dan memahami bahasa Inggeris, sama … bertulis atau bercakap adalah satu kelebihan, … diutamakan.

… sedikit pengetahuan dan kebolehan dalam … kenderaan serta mempunyai kemahiran asas … menggunakan perkakas tangan adalah satu kelebi-…

…mohon mestilah mempunyai tubuh badan yang … sihat.

…

… bekerja secara bergilir (shift) dan bekerja …

… kenderaan OB, RTB yang seberat hingga … termasuk Colour Mobile Control Room dan … Hydraulic Platforms.

…ngendalikan EPL Platform di tempat-tempat Siar-… luar.

…bantu dalam semua aspek rigging siaran luar … termasuk memasang cable, menggangkat … kelengkapan teknikal, mendirikan pelantar-… sementara dan membantu tugas-tugas am … rehearsal, rakaman dan siaran.

… sekala bertugas keselamatan waktu malam di …-tempat siaran luar.

…TING FILEM KANAN : (Bahagian Berita … Ehwal Semasa).

…: C. 3-4 EB. 5 — $1735-$2580 sebulan. Gaji … bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan …

**… dan Pengalaman :**

…mohon mestilah mempunyai sekurang-kurang-… pengalaman dalam tugas-tugas menyunting … khususnya dalam Liputan Berita.

…jalani latihan khas dalam pengendalian ENG … dan pemohon-pemohon mestilah berupa-… pengetahuan mengenai format pita ENG … video.

…mohon hendaklah boleh bertutur dan menulis … dalam bahasa Melayu dan Inggeris serta … pengalaman dalam hal ehwal pengurusan.

…G PENYUNTING FILEM :

…: D. 3 EB. 4 — $720-$1175 sebulan. Gaji … bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan …

**… dan Pengalaman :**

…mohon hendaklah mempunyai pengalaman …nya 3 tahun dalam kerja-kerja mengen-… filem/pita televisyen sebagai Pelatih Teknikal. … terbukti berpengalaman dalam menyunting … bahan-bahan video akan diberi keutamaan.

…:

…mohon yang berjaya akan ditempatkan sama … Penyunting Filem Kanan (Rancangan) atau Pe-… Filem Kanan (Berita dan Hal Ehwal Semasa) … pengalamannya yang terdahulu.

…YANG :

…: D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan. Gaji … bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan …

**… dan Pengalaman :**

…mohon hendaklah telah bersekolah sehingga … V. Keutamaan diberi kepada mereka yang lulus … pelajaran Physics, Ilmu Hisab dan lain-lain … Sains. Mempunyai pengetahuan dalam … adalah satu kelebihan Pemohon-pemohon … mungkin diminta untuk menjalankan satu … dalam pengendalian filem/projector.

…:

… projector filem 16mm untuk preview ran-… atau mengendalikan peralatan filem/pita di-… suara.

…G OPERESEN RENDAH :

…: D.1-2-3 EB.4-5—$425-$1290 sebulan. Gaji … bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan …

**…layakan dan Pengalaman :**

… mestilah sekurang-kurangnya telah menamat-… selama setahun dengan RTB sebagai … bergaji bulan, tidak termasuk masa yang … pengajian sepenuh masa. Calon-calon … menunjukkan kecenderungan bagi salah … dalam jawatan Penolong Operesen Rendah … terdapat kekosongan-kekosongan. Satu La-… memuaskan mengenai calon-calon dari Juru-… dan Ketua Bahagian yang berkenaan adalah …

…:

… adalah bergantung ke atas calon-calon mengi-… di mana ia ditempatkan. Pada umumnya … Operesen Rendah akan menjalani latihan sebagai … di salah satu bahagian yang berikut:—

Misalnya : Jurukamera Studio
Penolong Suara
Telecine Operator
Videotape Operator, dan lain-lain.

6. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II :

**Tanggagaji :** F. 2-3-4 EB. 5 — $390-$560 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
b) Hendaklah tahu membaca dan menulis.
c) Mempunyai pengalaman sebagai Pemandu Outboard dan boleh membaiki kerosakan kecil dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan enjin-enjin outboard.
d) Pemohon-pemohon hendaklah juga pandai berenang.

7. PEREKA BENTUK KANAN :

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Mempunyai Diploma in Art, Diploma in Graphic Design atau kelulusan yang sebanding dengannya dan 2 tahun pengalaman sebagai Pelukis Gerafik atau Pereka di televisyen.

ATAU

Sekurang-kurangnya 4 tahun berkhidmat sebagai Pelukis Gerafik atau Pereka di Televisyen.

**Tugas-tugas :**

Mengendalikan dan mengawas segala tugas yang bersangkutan dengan rekabentuk dan bertanggungjawab kepada Ketua Pereka.

8. PELUKIS ANIMASI :

**Tanggagaji :** C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Diploma in Graphic Design atau kelulusan yang sebanding dengannya dan dapat membuktikan kebolehan melukis animasi dari contoh-contoh kerja atau projek pernah dihasilkan.

ATAU

Sekurang-kurang berkhidmat selama tiga tahun sebagai Penolong Pereka.

**Tugas-tugas :**

Menyediakan lukisan-lukisan bentuk animasi dan bertanggungjawab atas pengendalian projek-projek animasi kepada Ketua Pereka. Berkebolehan mengoperate kamera animasi, menyunting dan mencantumkan suara dengan gambar (filem).

9. PEMBANTU PENERBITAN :

**Tanggagaji :** D. 3-4 EB. 5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Lulus G.C.E. 'O' Level Inggeris atau Melayu atau kelulusan akademik yang sebanding dengannya. Kebolehan menaip dengan kelajuan 25 psm dan Trengkas, serta pernah menyertai sebarang rancangan Televisyen dan mempunyai minat dalam penerbitan rancangan televisyen adalah satu kelebihan.

ATAU

Calon-calon yang dapat membuktikan kerja yang baik dalam bidang tugas-tugas penerbitan rancangan TV dan telah berkhidmat selama 3 tahun atau lebih, boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

**Tugas-tugas :**

Membantu kerja-kerja Menulis Skrip di bidang Penerbitan Rancangan-rancangan Televisyen dan bekerjasama dengan Penerbit. Bertugas dengan Penerbit atau Pengarah Gallery Studio atau Unit Siaran Luar dan menempah semua kemudahan rakaman. Bersedia bekerja semasa hari-hari kelepasan awam.

10. PENOLONG PEREKA RENDAH :

**Tanggagaji :** D.1-2-3 EB.4-5—$425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus peperiksaan Brunei Cambrdige G.C.E. Peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya, serta mendapat kepujian dalam Lukisan. Satu ujian akan dijalankan oleh Jabatan ini untuk menentukan kesesuaian calon-calon bagi jawatan ini.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 1hb Ogos, 1983.

(E/943/74) (Bil. : 122/1983).


BRUNEI

## MEMPELAWA TAWARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipersilakan dari Pemborong-pemborong yang dibenarkan oleh Syarikat untuk

1. BILANGAN TAWARAN 001461
KATEGORI RA1 KELAS A ATAU B
Membekalkan perkhidmatan permakanan/perbersihan/mencuci pakaian dan riadah di Kompleks Champion 7 di laut, di bawah bidang kuasa Jabatan Penghasilan.

Untuk keterangan yang lebih lanjut, sila rujuk ke Papan-papan kenyataan untuk Tawaran B.S.P.


## Tawaran Jabatan Perkhidmatan2 Elektrik

**TAWARAN BIL. 79/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal Sistem Perhubungan Bergerak yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, bertarikh 25hb Julai, 1983 bagi kerja-kerja berikut :—

UNTUK MEMBEKAL DAN MEMASANG SISTEM PERHUBUNGAN BERGERAK.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $1,000.00.

Dokuman-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

**TAWARAN BIL. 83/1983**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

"PEMASANGAN ELEKTRIK DAN LAMPU-LAMPU UNTUK HELIPAD DI RUMAH SAKIT SURI SERI BEGAWAN KUALA BELAIT."

Dokuman-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Kuala Belait.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $600.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar tawaran yang bersih.

## TENDER NOTICES
## FOREST DEPARTMENT

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on 8th August 1983, for the supply of the following : —

**300 Pieces. Metric Fibreglass Measuring Tape 20 Meter Length In One Centimeter/Graduations/ 10 Meter Diameter In Centimetre And Millimeter Graduations Complete with Steel Case.**

**200 Pieces : Quarter-girth measuring tape (metric system).**

The tenderer is to state price C.I.F. Brunei and delivery time.

Tender must be submitted in plain sealed envelope and there must be no indication of the envelope of the name of the tenderer.

The envelope should be addresed to:—

The Chairman,
Tenders Board,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

At the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei and marked 'SUPPLY OF MEASURING TAPES'. Tender received after this date will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest tender.

---

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on 8th August 1983, for the supply of the following : —

**1 Complete set of Portable Circular Saw Machine Diameter 36″ with 40hp motor.**

The tenderer is to state price C.I.F. Brunei and delivery time.

Tender must be submitted in plain sealed envelope and there must be no indication of the envelope of the name of the tenderer.

The envelope should be addresed to:—

The Chairman,
Tenders Board,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

At the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei and marked 'SUPPLY PORTABLE CIRCULAR SAW'. Tender received after this date will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest tender.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENJARA, BRUNEI

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi membekalkan mesin-mesin tukang kayu (Wood Working Machines) yang berikut untuk Jabatan Penjara, Brunei : —

i) Sebuah Multi-Purpose Surface Planer and Thicknesser.

ii) Sebuah Turning Lathe.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (specifications) bagi mesin-mesin ini bolehlah didapati dari Pejabat Penjara, Rumah Penjara Jerudong Bandar Seri Begawan pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang bertutup dengan ditulis "Tawaran Mesin-Mesin Tukang Kayu Jabatan Penjara, Brunei" dan tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983.

4. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar catalogue (gambar) jenis mesin yang ditawarkan berserta dengan butir-butir berikut : —

i) Tarikh sampai
ii) Harga termasuk cukai masuk
iii) Lama dalam jaminan
iv) Lain-lain hal jika ada.

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenainya.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN AUDIT, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Audit, Brunei.

1. JURUAUDIT TEKNIKAL (Juru Kuantiti atau Jurutera Awam)
2. JURUAUDIT B. 2—$1975-$3280 sebulan.

ATAU

B. 2 EB. 3 — $1975-$3640 sebulan.

Jawatan 1.

**Kelayakan :**

Calon-calon hendaklah mempunyai Ijazah dibidang Ukur Kuantiti atau Constructional Engineering, atau menjadi ahli (corporate member) sesebuah badan iktisas yang berkaitan dengan kelulusan-kelulusan yang tersebut di atas.

**Pengalaman :**

Sebaik-baiknya mereka hendaklah mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mengawal serta meneliti perbelanjaan berhubung dengan kontrek-kontrek pembinaan bangunan dan lain-lain kerja pembinaan.

Jawatan 2.

**Kelayakan :**

Calon-calon hendaklah mempunyai sesuatu kelulusan ikhtisas sebagai jurukira atau ijazah dibidang yang lain misalnya ekonomi, sains komputer atau pentadbiran urusniaga.

**Pengalaman :**

Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja audit kerajaan atau swasta bagi calon-calon yang bukan rakyat Brunei. Bagi calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei keutamaan akan diberi kepada mereka yang mempunyai pengalaman sedemikian.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tuptup : 2hb Ogos, 1983.

(E/404/73)

(Bil.: 132/1983)

## Sebagai Jururawat Gigi Percubaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai Jururawat-Jururawat Gigi Percubaan di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Jururawat Gigi Percubaan: M. 3 — $455-$680 sebulan.

Jururawat Gigi Terlatih : M. 4 EB. 5-6 — $745-$1500 sebulan.

**Kelayakan :**

Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 17 hingga 28 tahun dan masih bujang. Mereka mestilah lulus Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) dalam Bahasa Inggeris, Sains dan dua mata pelajaran yang lain atau yang sebanding.

**Tempoh Percubaan :**

a) Calon-calon yang terpilih akan dilantik dalam percubaan selama 3 tahun 4 bulan sebagai Jururawat Gigi Pelajar dan dikehendaki menjalani latihan di Sekolah Pergigian di luar negeri. Tempoh latihan ini ialah selama 2 tahun 4 bulan.

b) Setelah menamatkan latihan di luar negeri Jururawat-Jururawat Gigi Percubaan akan bertugas di Klinik Pergigian Brunei di bawah pengawasan Pegawai Pergigian selama satu tahun.

c) Pakaian seragam akan di beri percuma dan tempat tinggal akan disediakan jika perlu. Jururawat-Jururawat Gigi Percubaan akan diberi Elaun Dobi dan Catuan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 13hb Ogos, 1983.

(E/132/62/2)

(Bil. : 138/1983)


BRUNEI

## ACCOUNTS CLERK

BRUNEI SHELL PETROLEUM invites applica[tions for the] above position in its Treasury Division, based in the Head Offices in Seria.

The successful applicant will be required to ... processing of the payroll, filing, daily payment ... ment vouchers to Bank/Cashier and to perform ... within the section.

Candidates should :

— have achieved at least G.C.E. "O" level ... lent, with Credits in English and Ma...

— be able to type

— be aged not more than 30.

Previous accounting/bookkeeping experience ... fication in this field) while an advantage is not ...

The Company offers a generous remuneration ... which includes two months' annual bonus. Subje... Highness the Sultan and those eligible to become ... engaged on a pensionable basis. For male employ... outside the Kuala Belait/Seria area (to the wes... Liang), Company housing is provided. In all othe... housing allowance is payable.

Applications should be addressed to : —

Personnel Development Department — Recruitment (Ref : BB/15),
Brunei Shell Petroleum Company Limited
BRUNEI.
Seria.

The closing date for the receipt of applica... 22nd July, 1983.


## Sebagai Pemeriksa Kawalan Kemajuan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMERIKSA KAWALAN KEMAJUAN di Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Tanggagaji :** D.2-3 EB.4-5 $515-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur antara 20 hingga 45 tahun.

b) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang telah lulus Sijil Persekolahan Brunei Cambridge (Peringkat Biasa) atau yang sebanding dengannya, dan mempunyai sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman praktikal dalam kerja-kerja mengenai bangunan dan hendaklah boleh membaca pelan-pelan bangunan atau kejuruteraan dan bersedia membuat kerja penyiasatan luar, atau

c) Calon-calon yang mempunyai pengalaman praktikal sekurang-kurangnya 6 tahun dalam penyeliaan kerja-kerja mengenai bangunan, boleh membaca pelan-pelan bangunan atau kejuruteraan dan bersedia menjalankan kerja-kerja luar.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

1) Bertanggungjawab kepada Pembantu Teknik Kanan.

2) Menerima dan memproses permohonan - permohonan dan kemajuan tanah.

3) Memeriksa kawasan tapak (site) bagi cadangan kemajuan yang dipohonkan.

4) Membuat laporan-laporan.

5) Mengira bayaran pendaftaran.

6) Membantu Pembantu Teknik Kanan menjawab permohonan-permohonan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 1hb Ogos, 1983.

(E/243/82)

(Bil. : 123/1983)

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICES

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, for the supply of the following to the Department of Agriculture, Brunei :

ONE UNIT SEED STORAGE FOR GERMPLASM COLLECTION.

2. Further details are available from PLANT BREEDER, Kilanas Agricultural Research Centre, Mile 10 Jalan Tutong (Tel. No. 61-352/353/354).
3. Approximate date of delivery to the Department of Agriculture, must be stated.
4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address but clearly marked :

CONFIDENTIAL —
SEED STORAGE —
AGRICULTURAL
DEPARTMENT

not later than 12.00 noon on Monday, 18th July 1983. Tenders received after this date will be rejected.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDERS are invited for the supply and installation of Incubator-Hatcher at Mentiri Agricultural Station, Department of Agriculture, Brunei.

2. Details could be obtained and site inspection could be arranged by contacting the Agricultural Officer (Livestock), Veterinary Clinic, Bandar Seri Begawan. Telephone No. 22296.
3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Department of Agriculture — Incubator-Hatcher-Confidential" to the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday, 25th July 1983.
4. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sebagai Penjadual di Pejabat Setiausaha Kerajaan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PENJADUAL di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Unit Perancang Ekonomi, Brunei.

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

ATAU

C. 3 EB. 4 — $1735-$2280 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Sekurang-kurangnya mempunyai Higher National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming bagi tempoh yang tidak kurang 2 tahun akademik dan pengalaman bekerja / penempatan adalah satu kelebihan.

ATAU

b) Mempunyai Ordinary National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh tidak kurang dalam satu tahun akademik dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 4 tahun di satu Syarikat/Perbadanan dalam penjadualan (programming) dan penggunaan bahasa komputer COBOL dan RPG II.

ATAU

c) Lulus sekurang-kurangnya G.C.E. 'O' level dalam 2 mata pelajaran dan mempunyai pengalaman sebagai penjadual (programming) sekurang-kurangnya 6 tahun dan pandai menggunakan bahasa komputer COBOL dan RPG II.

**Tugas-tugas :**

Untuk membuat penjadualan (programming) dan juga untuk Penganalisa Sistem dalam beberapa segi perkembangan sistem.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 1hb Ogos, 1983.

(E/233/82)

(Bil. : 121/1983)

## TAWARAN UNTUK VERTICAL LOU[VRE] BLINDS FOR NEW GENERAL HOSP[ITAL] AT KIULAP, BRUNEI

1. PEMBORONG adalah dipelawa untuk ... memasang : VERTICAL LOUVRE BLINDS F... GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke ... Tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai ... Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari ... tengah hari, hari Isnin 25hb Julai, 1983.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari ... masa yang disebutkan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui ... rat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa ... pemborong-pemborong dan sampul surat itu mestilah ... kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Bangunan ... Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan mestilah ... dengan seperti berikut : —

TAWARAN UNTUK VERTICAL LOUVRE ... FOR NEW GENERAL HOSPITAL AT K... BRUNEI.

5. Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran ... kenaan bolehlah dilihat dan didapati dari yang ...

ALISTER MACDONALD DAN RAKAN
309-310 Seri Complex, Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan

mulai dari hari Rabu 6hb Julai hingga jam 4.00 ... Khamis 21hb Julai 1983.

6. Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak ... (Dua Ratus Ringgit Sahaja) adalah dikehendaki ... oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar ... Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada ... borong-pemborong yang tidak berjaya yang menghantar... an yang bersih (bona-fide tender.)

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan ... pemborong-pemborong adalah dikehendaki membawa ... hatkan perkara-perkara yang berikut : —

a. Pemborong-pemborong itu adalah pemborong ... berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam ... pemborong yang dikehendaki.

b. Surat akuan dari bank-bank yang berdaftar ... yang menunjukkan bank-bank itu akan ... ngeluarkan tender deposit sebanyak 10 ... harga projek jika pemborong itu berjaya.

8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan ... kan borang-borang tawaran yang telah disediakan ... yang mempunyai pengecualian tidak dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ... Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara ... salam tidak akan terikat menerima tawaran ... rendah atau pun apa-apa jua tawaran.

# [J]AWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## [J]ABATAN HAL EHWAL AGAMA BRUNEI

...mohonan adalah dipelawa daripada calon-... rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka ... dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei ... Melayu, beragama Islam mengikut ... Sunnah Wal Jemaah untuk memenuhi ... yang berikut di Jabatan Hal Ehwal ...

...sjid Bokok, Temburong)

... D. 1-2 EB. 3 — $425-$900 sebulan.

...an Pengalaman :

... tidak kurang dari 20 tahun.

... tahu membaca dan menulis jawi.

... tahu membaca Quran.

... tahu dalam menyempurnakan mayat.

... tahu dalam bertahlil dan membaca doa.

... menyampaikan Azan dan Qamat dengan baik.

... mengetahui hukum-hukum khasnya dalam ... bersuci, sembahyang, zakat dan puasa.

... pandai berzikir.

... akan diberi kepada pemohon-pemohon yang ... kawasan yang berdekatan dengan Masjid ...

...S JAWI :

... C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan.

...an Pengalaman :

... hendaklah berumur tidak kurang dari ... dan mempunyai salah satu daripada kelaya-... yang berikut : —

... Sijil Pelajaran Agama Brunei.

... Sijil Am Pelajaran (Peringkat Biasa) dengan ... mendapat kelulusan empat mata pelajaran ... termasuk mempunyai Sijil Darjah VI Seko-... lah Agama.

... hendaklah mempunyai kepandaian dan ... yang luas dalam hal tulisan Jawi yang ...

... yang tidak mempunyai kelayakan pela-... yang dinyatakan di (i) tetapi telah berkhidmat ... Kerajaan seperti salah satu daripada yang ... di bawah ini boleh juga dipertimbang-... —

... 7 tahun perkhidmatan, 3 tahun daripadanya ... jawatan yang ada hubungannya de-... menggunakan kepandaian dalam tulisan Jawi yang cantik;

ATAU

... Pegawai-pegawai yang telah berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai ke-pandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang cantik.

... MOTOR SANGKUT TINGKAT I :

... F. 3-4-5 EB. 6 — $430-$620 sebulan.

...an Pengalaman :

... tidak kurang dari 18 tahun.

... tahu membaca dan menulis.

... pengalaman sebagai Pemandu Motor Sang-... II sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan ... kebolehan untuk memperbaiki kerosakan ... mempunyai pengalaman dalam penyeleng-... garaan Motor Sangkut.

4. PENJAGA :

**Tanggagaji :** F. 1-2 EB. 3 — $350-$470 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Mempunyai pengalaman menjaga dan mengawas harta benda Kerajaan adalah merupakan satu kelebihan.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift).

5. PEMBANTU PENGELOLA BAITOL MAL ZAKAT DAN FITRAH :

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

i) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

ii) Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan berikut —

a) Sijil Pelajaran Agama, Brunei.

b) Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Agama.

c) Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan syarat lulus mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Agama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun dan mempunyai pengalaman dalam urusan Baitulmal Zakat dan Fitrah.

iii) Hendaklah tahu menulis dan membaca jawi.

iv) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan di (ii) di atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang 5 tahun serta mempunyai pengalaman urusan Baitulmal Zakat dan Fitrah bolehlah dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan hendaklah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup : 20hb Julai, 1983.

(E/312/72) (Bil. : 118/1983)

## ...NA RUMAH SEMENTARA ...TUK GURU-GURU AGAMA

... adalah ... Pengerusi Lem-... Brunei di ala-... Kewangan Nega-... Tingkat Bawah ... Setiausaha ... tidak lewat ... 25hb Ju-... pembina Ru-... di atas bagi ... di Daerah ...

... KAMPUNG ...

... KAMPUNG ...

... Tingkat Khas ... dihu-... Madarsah ... Agama, ... masa ... kiranya ... di-... jenis ... dan ...

... hendak-... dalam sampul surat yang tertutup dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei dialamat Pejabat Kewangan Negara Brunei dan sampul surat itu hendaklah ditulis dengan terang dan menyatakan :

TAWARAN PEMBINAAN RUMAH SEMENTARA GURU AGAMA DI KAMPUNG MENUNGGOL DAN JUNJONGAN BRUNEI-MUARA.

4. Wang Deposit sebanyak $200.00 mengenai perkara ini hendaklah dibayar di Jabatan Hal Ehwal Agama, Bandar Seri Begawan di Bahagian Kewangan, Tingkat Pertama (Bilik 202) pada bila-bila masa waktu Pejabat dibuka hingga hari Sabtu, 23hb Julai, 1983 jam 12.00 tengah hari.

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau seumpamanya.

## PENGELUARAN PERMIT BAS AWAM PERJALANAN B. S. B./LAMUNIN

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor akan mengeluarkan 2 Pemit Bas Awam Perjalanan Bandar Seri Begawan/Lamunin yang boleh memuat 20 orang penumpang ke atas bagi tiap-tiap sebuah bas.

2. Orang-orang perseorangan, syarikat kerjasama atau syarikat-syarikat tempatan di daerah atau di kawasan yang berkenaan sahaja yang berhak memohon bagi pertimbangan Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor. Pemohon-pemohon perseorangan atau ahli-ahli syarikat hendaklah berbangsa Brunei atau yang telah mendapat taraf kerakyatan sebagai rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mereka hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei (dikecualikan ahli-ahli syarikat kerjasama yang dibolehkan di segi undang-undang), syarikat-syarikat atau firma-firma sama ada bergaji bulan atau bergaji hari. Selain daripada kehendak-kehendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon-pemohon seperti yang dicatatkan dalam barang-barang permohonan bagi permit-permit di atas, berikut adalah penerangan-penerangan tambahan kepada pemohon : —

**Permit Bas Awam**

a) Pemohon-pemohon bersedia untuk di temuduga.

b) Pemandu bas mestilah mempunyai lesen memandu kelas 6 dan diakui sihat oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

c) Pemohon-pemohon mestilah menyatakan jenis-jenis bas yang akan dipakai.

3. Mereka-mereka yang telah memohon tetapi tidak berjaya atau permohonan-permohonan mereka belum dapat dipertimbangkan kerana semasa mereka memohon itu belum ada kekosongan permit-permit yang dimaksudkan atau mereka-mereka yang telah dibatalkan permitnya, bolehlah memohon semula jika mereka mahu berbuat demikian bagi pertimbangan Lembaga Melesen Kenderaan Bermotor.

4. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh didapati di Ibu Pejabat Pengangkatan Darat, Jalan Gadong dan Pejabat Daerah Tutong. Permohonan-permohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Brunei tidak lewat dari 30hb Julai, 1983. Permohonan-permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 ELEKTRIK BRUNEI

### TAWARAN BIL. 74/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 8hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK BIDAN DAN PERUMAHAN BIASA DI KAMPUNG SUBOK, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Aiport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 75/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 8hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut: —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK BIDAN DAN PERUMAHAN BIASA DI KAMPUNG SUNGAI BESAR, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Aiport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 78/1983

TAWARAN-tawaran hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 30hb Julai, 1983 jam 4.00 petang.

MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK, BRUNEI TAHUN 1983.

Borang-borang tender bolehlah didapat daripada Pejabat Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas dengan membayar tender deposit sebanyak $500.00.

Satu perjumpaan mengenai dengan syarat-syarat pembekalan akan diadakan pada 11hb Julai, 1983 pukul 9.00 pagi bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Brunei.

### TAWARAN BIL. 80/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 membekal dan menyerahkan barang-barang berikut untuk Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik Stor Gadong: —

PEMBEKALAN UNTUK SWITCH SOCKETS DAN PLUG TOPS ETC.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-perkhidmatan, Brunei.

**Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $300.00.**

### TENDER No. 82/1983

TENDERS will be received from registered Air Conditioning Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on 29th August, 1983 for : —

AIR CONDITIONING INSTALLATION, FIRE BRIGADE HEADQUARTERS AND TRAINING CENTRE AT OLD AIRPORT.

Tender deposit is $300.00.

Tender documents, conditions and all particulars can be obtained at the oofffice of the Building Service Section, be obtained at the office of Electrical Department, at Old Airport, Brunei.

### TAWARAN BIL. 76/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengan hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut: —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEJABAT POS DI SERI COMPLEX JALAN TUTONG, B.S.B., BRUNEI.

Dokumgn-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 77/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bander Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut: —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK DEWAN RIA DAN DAPUR DI S.M. KAMPUNG MATA-MATA, GADONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 81/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengan hari, hari Isnin, 1hb Ogos, 1983 bagi kerja-kerja berikut: —

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK BLOK SEKOLAH 12 BILIK DARJAH DAN BLOK TANDAS DI S.M. ANGGEREK DESA, BERAKAS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Airport Lama, Jalan Berakas, Brunei.

**Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $200.00.**

# Titah DYMM sempena Hari Raya

Dari muka 1

bul disanubari kita masing-masing sesudah merasai sebulan berpuasa betapa kita umat Islam sesungguhnya menahan lapar dan dahaga di bulan puasa. Demikian juga akan menjelmakan tunjuk-ajar serta landasan bagi kita menghadapi kehidupan kita umat Islam pada bulan-bulan berikutnya.

Beta sepenuhnya berharap semoga dengan kesedaran dan keinsafan di kalangan umat Islam di negara ini, kita akan dapat meneruskan usaha untuk menambah kemakmuran, kesejahteraan dan berpanduan yang sememangnya perlu dilaksanakan kerana Allah di Negara Brunei Darussalam ini dalam tahun-tahun yang akan datang yang penuh dengan cabaran.

Bersempena hari yang berbahagia lagi bersyafaat ini Beta bersama-sama dengan keluarga Beta dengan tulus ikhlas sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Beta dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam.

Marilah kita berdoa kehadrat Allah s.w.t. mudah-mudahan kita semua di negara ini akan sentiasa mendapat perlindungan Nya dan akan terus menikmati suasana aman, tenteram dan sejahtera dalam keadaan yang makmur lagi bahagia.

Beta ingin jua menyuarakan harapan semoga sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini akan dilakukan dengan sederhana dan semoga kita akan dapat mengelakkan diri daripada unsur-unsur yang membazir yang sememangnya ditegah oleh agama Islam.

Sambutlah Hari Raya Aidilfitri tahun ini dengan penuh takwa kepada Allah s.w.t. dan penuh kesyukuran akan rahmat-Nya jua kepada kita semua.

Akhirnya Beta sekali lagi dengan ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya.

Wabillahi taufik walhidayah wasallamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.





Gambar-gambar atas kiri, atas dan bawah kelihatan Kebawah Duli Yang [illegible] Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, Y.T.M. Paduka Seri [illegible] Bendahara dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong ketika berangkat [illegible] P.U.S.B., ke Rumah Jerambak dan ke Rumah Semaun.



# Kebawah DYMM berhari raya ke rumah pembesar2 negara

Dari muka 1

Baginda untuk menunaikan sembahyang sunnat Hari Raya di Mesjid Omar Ali Saifuddin di sini.

Berangkat sama menunaikan sembahyang di mesjid tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja.

Selepas menunaikan sembahyang Hari Raya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat berhari raya ke rumah-rumah pembesar negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang juga disertai oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal Waqar, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal dan lain-lain Kerabat Diraja telah berangkat ke rumah Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Baginda Sultan, di Jalan Tutong, ke rumah Jerambak kediaman rasmi Y.A.B. Pemangku Menteri Besar dan Rumah Semaun — kediaman rasmi Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan di Jalan Gadong.

Disamping itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerabat-Kerabat Diraja juga berangkat ke rumah beberapa orang kenamaan dan orang-orang bergelar.

# Kuatkan azam dalam tugas masing-masing

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan.

Dalam surat Pekeliling Pejabat Setiausaha Kerajaan pada minggu lalu, Yang Berhormat melahirkan harapan agar pegawai dan kakitangan Kerajaan akan menguatkan azam dan meningkatkan kemahuan dalam memainkan tugas masing-masing untuk kepentingan Negara Brunei Darussalam.

'Marilah sama-sama kita sekali lagi menguatkan azam dan meningkatkan kemahuan dalam memainkan tugas-tugas kita yang berkebajikan untuk kepentingan Negara Brunei Darussalam', kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam pada itu juga mengingatkan supaya Hari Raya Aidilfitri itu diraikan dalam bentuk yang termampu kepada kita dan tidak akan menjadi bebanan sehingga kesyukuran dan kegembiraan itu tidak mendapat keredaan Allah s.w.t.

## Untuk menjamin pertubuhan masyarakat:

# AMALKAN SIKAP BERSUNGGUH[illegible]

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berkata, kesungguhan adalah jaminan yang paling kukuh dalam memikul tanggungjawab bermasyarakat dan bernegara.

Oleh yang demikian, katanya, adalah perlu bagi seluruh masyarakat di Negara Brunei Darussalam mengamalkan sikap bersungguh-sungguh bagi mempastikan bahawa pertumbuhan masyarakat di negara ini akan terus berkembang dan berkemajuan.

Dalam perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan melalui radio dan televisyen malam semalam, Yang Amat Berhormat itu berkata; "Hendaknyalah pula keinsafan, ketabahan dan kesungguhan yang kita rasai semasa menjalani ibadah puasa seharusnyalah mendatangkan kesedaran kepada semua anggota masyarakat bagi melaksanakan tugas dan kewajipan pada menjalankan peranan masing-masing dengan penuh keinsafan."

Kerana, jelas Yang Amat Berhormat itu lagi, kegagalan kita pada menjalankan peranan masing-masing hanya akan membantut dan memusnahkan harapan untuk meneruskan pembangunan dan kemajuan negara dan masyarakat kita.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, dalam perutusan itu Hari Raya Aidilfitri tahun Hijrah 1403, seterusnya menyeru seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan dan mereka yang berkhidmat dalam sektor swasta, khususnya yang beragama Islam, supaya terus menerus menyerapkan rasa kegembiraan dan kesedaran menjalani suasana Aidilfitri ke dalam perkhidmatan atau usaha masing-masing bagi menjamin masa depan negara yang cerah dan cemerlang.



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz.

"Kesedaran dalam perkhidmatan dan sebarang usaha hendaknyalah bererti bahawa setiap orang akan menjalankan peranannya masing-masing dengan penuh kecekapan, bersungguh serta kerana Allah," jelas Yang Amat Berhormat itu lagi.

Yang Amat Berhormat itu seterusnya menegaskan bahawa bagi mempastikan kelancaran pembangunan dan perkembangan masyarakat, Kerajaan akan sentiasa meneruskan segala khidmat yang berkebajikan bagi rakyat dan penduduk negara, khasnya pada menjamin ketenteraman dan keselamatan bagi membolehkan pertumbuhan [illegible] ekonomi [illegible] makmur [illegible] kan [illegible] kemajuan [illegible] ketinggian [illegible] dengan [illegible] sebuah [illegible]

# Lima orang diden[illegible] kerana tidak pu[illegible]

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang [illegible] ke Mahkamah Kadi — empat ke Mahkamah [illegible] Brunei-Muara dan seorang ke Mahkamah [illegible] — kerana tidak menghormati bulan Puasa.

Serbini bin Damit dari Kampung Sungai [illegible] Haji Kassim dari Kampung Burong Pingai [illegible] Begawan, Hassinor Saba dan Muhammad [illegible] dari Kampung Sungai Dungun, Kuala [illegible] menghisap rokok di tempat awam.

Awang Muhammad Salleh didenda [illegible] Awang Serbini dan Awang Damit masing-[illegible] sebanyak $30.00, manakala Awang [illegible] sebanyak $40.00.

Awang Zakaria bin Haji Duai yang beralamat [illegible] pung Setia 'A' Brunei pula mengaku salah [illegible] tempat awam pada siang hari di bulan Puasa [illegible] sebanyak $30.00.

Kesemua mereka telah membayar denda [illegible]

Sepanjang bulan Puasa tahun ini seramai [illegible] dihadapkan ke Mahkamah Kadi di Daerah [illegible] Belait dan Temburong dan didapati salah [illegible] menghormati bulan yang mulia itu.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.